

# Penyata Kewangan

## KANDUNGAN

- |                                     |                                  |
|-------------------------------------|----------------------------------|
| 203 Laporan Pengarah                | 212 Penyata Aliran Tunai         |
| 206 Penyata Kedudukan Kewangan      | 215 Nota kepada Penyata Kewangan |
| 207 Penyata Pendapatan              | 283 Penyata Lembaga Pengarah     |
| 208 Penyata Pendapatan Komprehensif | 283 Akuan Berkanun               |
| 209 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti  | 284 Laporan Juruaudit Bebas      |



# Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ini adalah pegangan pelaburan.

Anak syarikat Kumpulan adalah Cagamas Berhad ("Cagamas"), Cagamas MBS Berhad ("CMBS"), Cagamas SRP Berhad ("CSR"), Cagamas MGP Berhad ("CMGP") dan Cagamas SME Berhad ("CSME").

Kegiatan utama Cagamas terdiri daripada membeli pinjaman gadai janji, hutang peribadi dan sewa beli serta pemajakan hutang daripada pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan penerbitan bon serta nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai melalui penerbitan Sukuk.

Kegiatan utama CMBS terdiri daripada membeli aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan Malaysia ("GOM") serta penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") untuk membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSR terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku yang diperkenalkan oleh GOM.

Kegiatan utama CMGP terdiri daripada peruntukan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit. Pada 12 Disember 2013, CMGP telah memeterai satu Perjanjian Pemindahan Perniagaan dan Novasi antara CSR dan Cagamas bagi pemindahan perniagaan jaminan gadai janji dan indemniti gadai janji ke CSR berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME terdiri daripada pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan/atau urus niaga produk tersusun melalui tunai atau pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. Di samping itu, CSME merupakan sebuah pihak berurusan swap ingkar kredit dengan sebuah institusi kewangan dan penerbit nota berkaitan kredit kadar tetap dalam satu urus niaga pensekuritian sintetik. CSME kekal tidak aktif sejak 10 Oktober 2012.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tidak terdapat perubahan ketara dalam bentuk kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Untung bagi tahun kewangan	527,592	22,534

## DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013:	
– dividen interim pertama dibayar pada 8 April 2013	16,875
– dividen interim kedua dibayar pada 25 Oktober 2013	5,625
	22,500

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## Laporan Pengarah (sambungan)

### PROFIL PENARAFAN BON DAN SUKUK

RAM Rating Services Berhad ("RAM") memberikan penarafan AAA/P1 kepada bon, nota dan Sukuk yang diterbitkan oleh Kumpulan. Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC") memberi penarafan AAA/AAA<sub>ID</sub> dan MARC-1/MARC-1<sub>ID</sub> kepada bon, nota dan Sukuk yang diterbitkan oleh Kumpulan. Moody's Investors Service juga telah memberikan penarafan A3 sebagai penarafan penerbit tempatan jangka panjang dan matawang asing Kumpulan. Selain itu, RAM dan MARC juga, masing-masing telah memberi penarafan AAA dan AAA/AAA<sub>ID</sub>/AAA<sub>IS</sub> kepada penerbitan Bon Bersiri Kadar Tetap bersandarkan aset dan Sukuk Musyarakah.

### URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Kebanyakan urus niaga Kumpulan yang melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan, kemudahan pembiayaan Islam serta penerbitan sekuriti hutang tidak bercagar dan Sukuk dilaksanakan dengan pelbagai institusi kewangan termasuk para pemegang syer utama Syarikat.

### PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)	
Datuk George Ratilal	
Dato' Charon Wardini Mokhzani	(Meletak jawatan pada 4.11.2013)
Dato' Sri Abdul Wahid Omar	(Bersara pada 26.3.2013)
Datuk Abdul Farid Alias	(Dilantik pada 6.6.2013)
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek	
Cheah Tek Kuang	
Marzunisham bin Omar	
YM Tengku Dato' Zafrul bin Tengku Abdul Aziz	(Dilantik pada 10.2.2014)

Selaras dengan Artikel 19.13 dan 19.14 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Datuk George Ratilal dan En. Marzunisham bin Omar akan bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Selaras dengan Artikel 19.10 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Datuk Abdul Farid Alias dan YM Tengku Dato' Zafrul bin Tengku Abdul Aziz yang meletak jawatan pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

### FAEDAH PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat ini tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan membolehkan Pengarah Kumpulan dan Syarikat mendapat faedah melalui pemerolehan syer atau debentur Kumpulan dan Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada ganjaran Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan-badan korporat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma di mana Pengarah berkenaan menjadi ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

### KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SYER DAN DEBENTUR

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer dan opsyen bagi syer dalam Syarikat atau syer, opsyen bagi syer dan debentur badan-badan korporat yang berkaitan pada tahun kewangan.

## Laporan Pengarah (sambungan)

### MAKLUMAT BERKANUN MENGANAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang yang tidak berkemungkinan direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan yang mana nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilainya ke satu nilai yang dijangka boleh terealisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan:

- (a) yang mungkin mengakibatkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul hingga mengakibat pematuhan terhadap kaedah penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Menurut pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasi apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa; dan
- (b) tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang boleh menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

### JURUAUDIT

Juruaudit kami, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat dengan kami sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.



**DATO' OOI SANG KUANG**  
PENGERUSI



**TAN SRI DATO' SRI TAY AH LEK**  
PENGARAH

# Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
<b>ASET</b>					
Tunai dan dana jangka pendek	5	1,263,965	710,969	564	790
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	6	851,692	365,349	723	542
Instrumen kewangan derivatif	7	7,286	1,115	—	—
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	8	2,583,486	2,150,695	—	—
Jumlah ter hutang daripada rakan niaga	9	3,825,726	3,696,142	—	—
Aset pembiayaan Islam	10	6,107,933	8,076,861	—	—
Aset gadai janji					
– Konvensional	11	11,064,322	9,659,351	—	—
– Islam	12	10,648,208	7,124,273	—	—
Aset sewa beli					
– Konvensional	13	4	9	—	—
– Islam	14	11,196	15,937	—	—
Aset-aset lain	15	30,132	36,171	—	89
Harta dan kelengkapan	16	4,019	4,363	—	—
Aset tak ketara	17	9,873	9,552	—	—
Cukai tertunda	18	11,993	12,688	—	—
Cukai boleh dapat balik		159	175	159	12
Pelaburan dalam anak syarikat	19	—	—	4,185,663	4,185,663
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>36,419,994</b>	<b>31,863,650</b>	<b>4,187,109</b>	<b>4,187,096</b>
<b>LIABILITI</b>					
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	22	11,521,708	9,217,450	—	—
Sukuk	23	13,403,003	11,707,559	—	—
Instrumen kewangan derivatif	7	35,898	53,741	—	—
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	24	3,195,347	3,195,295	—	—
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam	25	2,865,314	2,865,314	—	—
Pendapatan yuran jaminan tertunda		1,685	1,038	—	—
Pendapatan yuran Wakalah tertunda		1,130	420	—	—
Cukai tertunda	18	519,589	474,569	—	—
Peruntukan cukai		46,003	23,441	—	—
Liabiliti-liabiliti lain	26	65,550	63,079	—	21
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>31,655,227</b>	<b>27,601,906</b>	<b>—</b>	<b>21</b>
<b>DIWAKILI OLEH:</b>					
Modal syer	27	150,000	150,000	150,000	150,000
Rizab	28	4,614,767	4,111,744	4,037,109	4,037,075
<b>DANA PEMEGANG SYER</b>		<b>4,764,767</b>	<b>4,261,744</b>	<b>4,187,109</b>	<b>4,187,075</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER</b>		<b>36,419,994</b>	<b>31,863,650</b>	<b>4,187,109</b>	<b>4,187,096</b>
<b>ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)</b>	36	<b>31.70</b>	<b>28.35</b>	<b>27.91</b>	<b>27.91</b>

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan

## Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pendapatan faedah	29	1,057,273	1,005,229	41	43
Perbelanjaan faedah	30	(592,397)	(625,996)	—	—
Pendapatan daripada operasi Islam	48	286,077	198,748	—	—
(Perbelanjaan)/pendapatan bukan faedah	31	(3,203)	1,469	30,005	132,502
		747,750	579,450	30,046	132,545
Perbelanjaan pentadbiran dan am		(21,048)	(21,008)	(1)	(90)
Kos kakitangan		(20,840)	(18,376)	—	—
Bahagian untung dalam sebuah syarikat usaha sama	21	—	1,127	—	—
<b>UNTUNG OPERASI</b>		705,862	541,193	30,045	132,455
Muhibah yang dibeli dihapus kira	19	—	142	—	—
(Peruntukan)/masuk kira semula kerugian penjejasan	32	(2,702)	10,577	—	—
<b>UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT</b>	33	703,160	551,912	30,045	132,455
Zakat		(2,029)	(1,118)	—	—
Cukai	35	(173,539)	(137,634)	(7,511)	(33,147)
<b>UNTUNG BAGI TAHUN KEWANGAN</b>		527,592*	413,160*	22,534	99,308
<b>PENDAPATAN SESYER (SEN)</b>	36	351.73	275.44	15.02	66.21
<b>DIVIDEN SESYER (SEN)</b>	37			15.00	30.00

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, untung untuk tahun kewangan Kumpulan termasuk untung daripada CMBS sebanyak RM203,014,000 (2012: RM190,071,000) yang mungkin tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM selepas penyelesaian penuh RMBS/RMBS.

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

**Penyata Pendapatan Komprehensif  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013**

	<b>Kumpulan</b>	<b>Syarikat</b>		
	<b>2013</b> <b>RM'000</b>	<b>2012</b> <b>RM'000</b>	<b>2013</b> <b>RM'000</b>	<b>2012</b> <b>RM'000</b>
Untung bagi tahun kewangan	527,592	413,160	22,534	99,308
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain:				
<b>Perkara-perkara yang kemudiannya mungkin dikelaskan semula kepada untung atau rugi</b>				
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual				
– Kerugian bersih atas perubahan nilai saksama sebelum cukai	(26,678)	(1,945)	–	–
– Cukai tertunda	6,669	486	–	–
Lindung nilai aliran tunai				
– Keuntungan bersih atas lindung nilai aliran tunai sebelum cukai	23,920	5,425	–	–
– Cukai tertunda	(5,980)	(1,357)	–	–
Bahagian pendapatan komprehensif lain dalam sebuah syarikat usaha sama	–	(20)	–	–
(Kerugian)/untung komprehensif lain bagi tahun kewangan, selepas ditolak cukai	(2,069)	2,589	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	<b>525,523</b>	<b>415,749</b>	<b>22,534</b>	<b>99,308</b>

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

**Penyata Perubahan Ekuiti**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013

Kumpulan	RM'000	Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya				Boleh diaigh			
			Rizab pelepasan premium syer	Rizab AF\$	Tidak boleh diaigh	Rizab pelepasan perolehan terbalik	Rizab AF\$	Rizab lindung nilai aliran tunai	Pendapatan tertahan	Rizab-rizab lain *
Baki pada 1 Januari 2013	150,000	3,831,628	(3,831,628)	5,844	(36,629)	2,325,238	1,817,291	4,261,744		
Urtung bagi tahun kewangan (Kerugian)/pendapatan komprehensif lain Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	—	—	—	(20,009)	—	—	—	527,592	—	527,592 (2,069)
Pindahan kepada rizab syer Dividen interim pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	37	—	—	—	—	—	—	(203,014)	203,014	—
Dividen interim kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	37	—	—	—	—	—	—	(16,875)	—	(16,875)
Baki pada 31 Disember 2013	27 & 28	150,000	3,831,628	(3,831,628)	(14,165)	(18,689)	2,627,316	2,020,305	4,764,767	

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, rizab lain yang berkaitan dengan untung tertahan CMBS yang tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM selepas penyelesaian penuh RMBS/RMBS.

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

**Penyata Perubahan Ekuiti  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 (sambungan)**

Kumpulan RM'000	Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh diagih			Boleh diagih		
			Rizab pelepasan premium syer	Rizab perolehan terbalik	Rizab AFS	lindung nilai aliran tunai	Pendapatan tertahan	Rizab-rizab lain *
Baki pada 1 Januari 2012	150,000	3,831,628	(3,831,628)	7,323	(40,697)	2,147,149	1,627,220	3,890,995
Untung bagi tahun kewangan (Kerugian)/pendapatan komprehensif lain Bahagian kerugian komprehensif lain dalam sebuah syarikat usaha sama								
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan				(1,459)	4,068	413,160	—	413,160
Pindahan kepada rizab syer				—	—	(190,071)	190,071	—
Dividen interim pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	37	—	—	—	—	(16,875)	—	(16,875)
Dividen interim kedua dan khas bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	37	—	—	—	—	(28,125)	—	(28,125)
Baki pada 31 Disember 2012	27 & 28	150,000	3,831,628	(3,831,628)	5,844	(36,629)	2,325,238	1,817,291
								4,261,744

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 49 kepada penyata kewangan, rizab lain yang berkaitan dengan untung tertahan CMBS yang tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada GOM setepas penyelesaian perlu RMBS/RMBS.

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 (sambungan)

Syarikat	RM'000	Nota	Syer biasa berharga RM1 setiap syer diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh diagihkan Rizab pelepasan premium syer	Boleh diagihkan	
			Modal syer	Pendapatan tertahan	Jumlah	
Baki pada 1 Januari 2013			150,000	3,831,628	205,447	4,187,075
Untung bagi tahun kewangan			–	–	22,534	22,534
Pendapatan komprehensif lain			–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan			–	–	22,534	22,534
Dividen interim pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	37		–	–	(16,875)	(16,875)
Dividen interim kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	37		–	–	(5,625)	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2013	27 & 28		<u>150,000</u>	<u>3,831,628</u>	<u>205,481</u>	<u>4,187,109</u>
Baki pada 1 Januari 2012			150,000	3,831,628	151,139	4,132,767
Untung bagi tahun kewangan			–	–	99,308	99,308
Pendapatan komprehensif lain			–	–	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan			–	–	99,308	99,308
Dividen khas bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	37		–	–	(22,500)	(22,500)
Dividen interim pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	37		–	–	(16,875)	(16,875)
Dividen interim kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	37		–	–	(5,625)	(5,625)
Baki pada 31 Disember 2012	27 & 28		<u>150,000</u>	<u>3,831,628</u>	<u>205,447</u>	<u>4,187,075</u>

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

**Penyata Aliran Tunai**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013**

Nota	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>KEGIATAN OPERASI</b>				
Untung bagi tahun kewangan	527,592	413,160	22,534	99,308
Pelarasan bagi perkara pelaburan dan perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan bersamaan tunai:				
Pelunasan premium tolak pertambahan diskau ke atas sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	(8,671)	(2,031)	—	—
Pelunasan premium tolak pertambahan diskau ke atas sekuriti hutang Islam	—	(2,968)	—	—
Pertambahan diskau atas aset gadai janji				
– Konvensional	(283,510)	(266,879)	—	—
Pertambahan diskau atas aset gadai janji – Islam	(160,730)	(150,790)	—	—
Pertambahan diskau atas aset sewa beli				
– Konvensional	—	(1)	—	—
Pertambahan diskau atas aset sewa beli – Islam	(363)	(485)	—	—
Pendapatan daripada sekuriti hutang Islam	—	(96)	—	—
Pendapatan faedah	(735,369)	(712,366)	—	—
Pendapatan daripada operasi Islam	(720,714)	(625,059)	—	—
Perbelanjaan faedah	592,397	625,996	—	—
Untung diatribut kepada para pemegang Sukuk	614,551	588,034	—	—
Pendapatan yuran jaminan	(151)	(161)	—	—
(Pendapatan)/perbelanjaan yuran Wakalah	(155)	51	—	—
Yuran pengurusan	—	(500)	—	(500)
Susut nilai harta dan kelengkapan	1,148	1,065	—	—
Pelunasan aset tak ketara	2,132	2,508	—	—
Keuntungan ke atas pelupusan harta dan kelengkapan	(14)	(112)	—	—
Keuntungan ke atas pelupusan sekuriti				
pelaburan sedia untuk dijual	(2,623)	(4,159)	—	—
Masuk kira semula/(peruntukan) bagi kerugian penjejasan terhadap aset gadai janji dan gadai janji Islam	2,702	(10,578)	—	—
Muhibah yang dibeli dihapus kira	—	(142)	—	—
Bahagian untung dalam sebuah syarikat usaha sama	—	(1,127)	—	—
Cukai	181,040	170,634	7,511	33,147
Zakat	2,029	1,118	—	—
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	11,291	25,112	30,045	131,955

## Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 (sambungan)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
(Pertambahan)/pengurangan dalam jumlah terhutang daripada pihak rakan niaga	(129,876)	605,546	—	—
Pengurangan/(pertambahan) aset pembiayaan Islam	1,963,777	(1,190,455)	—	—
(Pertambahan)/pengurangan aset gadai janji – Konvensional	(1,067,749)	1,048,214	—	—
(Pertambahan)/pengurangan aset gadai janji – Islam	(3,291,423)	455,529	—	—
Pengurangan aset sewa beli – Konvensional	6	382	—	—
Pengurangan aset sewa beli – Islam	5,706	6,186	—	—
Pengurangan/(pertambahan) aset-aset lain	1,431	(5,346)	89	(88)
Pertambahan/(pengurangan) dalam bon dan nota pembawa tidak bercagar	2,295,000	(645,000)	—	—
Pertambahan Sukuk	1,690,000	1,111,265	—	—
Pertambahan/(pengurangan) dalam gadai janji kediaman - bersandarkan sekuriti	104	(649,971)	—	—
Pengurangan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam	—	(519,968)	—	—
Pertambahan/(pengurangan) dalam liabiliti-liabiliti lain	1,481	397	(21)	13
Tunai dijana daripada kegiatan operasi	1,479,748	241,891	30,113	131,880
Untung diterima daripada aset Islam	649,705	629,374	—	—
Yuran jaminan dibayar	(8)	(13)	—	—
Yuran Wakalah diterima/(dibayar)	1,673	(102)	—	—
Yuran pengurusan diterima	—	500	—	500
Pendapatan yuran diterima	—	711	—	—
Faedah diterima	640,796	761,223	—	—
Faedah dibayar	(583,191)	(629,078)	—	—
Untung diatribut kepada para pemegang Sukuk	(609,109)	(574,723)	—	—
Pembayaran zakat	(1,119)	(2,260)	—	—
Pembayaran cukai	(112,058)	(117,607)	(7,658)	(33,159)
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	1,466,437	309,916	22,455	99,221

## Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013 (sambungan)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>				
Pembelian sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	(3,814,129)	(4,431,501)	—	—
Penjualan sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	3,363,715	4,389,587	—	—
Instrumen kewangan derivatif	(94)	(225)	—	—
Pembelian harta dan kelengkapan	(804)	(1,121)	—	—
Pembelian aset tak ketara	(2,453)	(264)	—	—
Pelaburan dalam sebuah anak syarikat, ditolak tunai diperoleh	—	18,668	—	(54,035)
Kutipan diterima daripada pelupusan harta dan kelengkapan	14	111	—	—
Pendapatan diterima daripada sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	49,153	33,439	—	—
Pendapatan diterima daripada sekuriti hutang Islam	—	95	—	—
 Tunai bersih (digunakan)/dijana daripada kegiatan pelaburan	 (404,598)	 8,789	 —	 (54,035)
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>				
Pembayaran dividen	(22,500)	(45,000)	(22,500)	(45,000)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(22,500)	(45,000)	(22,500)	(45,000)
Pertambahan/(pengurangan) bersih tunai dan bersamaan tunai	1,039,339	273,705	(45)	186
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun kewangan	1,076,318	802,613	1,332	1,146
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun kewangan	2,115,657	1,076,318	1,287	1,332
 Analisis tunai dan bersamaan tunai:	 	 	 	 
Tunai dan dana jangka pendek	5	1,263,965	710,969	564
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	6	851,692	365,349	723
		 2,115,657	 1,076,318	 1,287
				 1,332

Nota yang mengiringi merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan ini.

# Nota kepada Penyata Kewangan

## 1. MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat ini adalah pegangan pelaburan.

Anak syarikat Kumpulan ini adalah Cagamas Berhad ("Cagamas"), Cagamas MBS Berhad ("CMBS"), Cagamas SRP Berhad ("CSR"), Cagamas MGP Berhad ("CMGP") dan Cagamas SME Berhad ("CSME").

Kegiatan utama Cagamas terdiri daripada membeli pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan hutang sewa beli serta pemajakan daripada pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas serta menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan kediaman, pembiayaan peribadi dan sewa beli yang dibiayai melalui terbitan Sukuk.

Kegiatan utama CMBS terdiri daripada membeli aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan Malaysia ("GOM") dan penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") serta sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") untuk membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSR terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku yang diperkenalkan oleh GOM.

Kegiatan utama CMGP adalah penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit. Pada 12 Disember 2013, CMGP telah memetrai satu Perjanjian Pemindahan Perniagaan dan Novasi antara CSR dan Cagamas untuk memindahkan perniagaan jaminan gadai janji dan indemniti gadai janji kepada CSR berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME terdiri daripada pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan/atau urusniaga produk tersusun melalui tunai atau pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. Di samping itu, CSME merupakan sebuah pihak berurusan swap ingkar kredit dengan sebuah institusi kewangan dan penerbit nota berkaitan kredit kadar tetap dalam satu urus niaga pensekuritian sintetik. CSME kekal tidak aktif sejak 10 Oktober 2012.

Syarikat ini merupakan syarikat awam berliabiliti terhad, yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten ke atas perkara yang dianggap penting berkaitan dengan penyata kewangan. Dasar-dasar ini telah digunakan secara konsisten pada tahun-tahun yang dibentangkan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting ini.

Penyata kewangan ini meliputi kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan operasi Islam Kumpulan.

Operasi Islam Kumpulan merujuk kepada pembelian aset pembiayaan rumah Islam, aset sewa beli Islam, pembiayaan peribadi Islam, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam daripada pihak penjual yang diluluskan, penerbitan Sukuk berlandaskan prinsip Syariah, serta pemerolehan, pelaburan dan dagangan instrumen kewangan Islam.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.1 Asas penyediaan (sambungan)**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada jumlah yang dilaporkan bagi aset dan liabiliti serta pendedahan tentang aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah yang dilaporkan untuk hasil serta perbelanjaan di sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan ini. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar berkemungkinan berbeza.

Bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam nota 3 kepada penyata kewangan.

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa:

Piawaian perakaunan baharu, pindaan dan penambahbaikan terhadap piawaian yang telah diterbitkan serta tafsiran yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Julai 2012 dan 1 Januari 2013 adalah seperti berikut:

- MFRS 10, "Penyata Kewangan Disatukan"
- MFRS 11, "Pengaturan Bersama"
- MFRS 12, "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain"
- MFRS 13, "Pengukuran Nilai Saksama"
- Semakan semula MFRS 127, "Penyata Kewangan Berasingan"
- Semakan semula MFRS 128, "Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Usaha Sama"
- Pindaan kepada MFRS 101, "Pembentangan Perkara-perkara Pendapatan Komprehensif Lain"
- Pindaan kepada MFRS 119, "Manfaat Pekerja"
- Pindaan kepada MFRS 7, "Instrumen Kewangan: Pendedahan"
- Pindaan kepada MFRS 10, 11 & 12, "Penyata Kewangan Disatukan, Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: Panduan Peralihan"
- Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2009-2011
- IC Interpretasi 20, "Kos bagi kerja mengaut dalam fasa pengeluaran bagi lombong permukaan"

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang diguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa:

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baharu, pindaan kepada piawaian dan interpretasi tersebut dalam tempoh-tempoh berikut:

- Pindaan kepada MFRS 132 "Penyata kewangan: Pembentangan" (berkuatkuasa dari 1 Julai 2014) tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud "buat masa ini mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi" bahawa hak untuk mengimbangi mestilah tersedia hari ini (bukan di luar jangka untuk kejadian pada masa depan) dan boleh dikuatkuasa di sisi undang-undang untuk semua pihak dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa suatu mekanisma penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang bersamaan dengan penyelesaian bersih secara berkesan akan memenuhi kriteria pengimbangan MFRS 132.

Tiada kesan ketara yang timbul daripada penggunaan piawaian ini di peringkat permulaan.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.1 Asas penyediaan (sambungan)**

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran piawaian sedia ada yang diguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuat kuasa (sambungan):

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baharu, pindaan kepada piawaian dan interpretasi tersebut dalam tempoh-tempoh berikut (sambungan):

- MFRS 9 “Instrumen kewangan – Klasifikasi dan Pengukuran Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan” (berkuat kuasa tidak lebih awal dari tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017) menggantikan beberapa bahagian dalam MFRS 139 berkaitan dengan klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan.

MFRS 9 memerlukan aset-aset kewangan dikelaskan ke dalam dua kategori: yang diukur pada nilai saksama dan yang diukur pada kos dilunaskan. Penentuan klasifikasi tersebut dilakukan semasa ia mula-mula dapat dikenal pasti. Klasifikasi tersebut bergantung kepada model perniagaan entiti berkenaan dalam mengurus instrumen kewangannya dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi instrumen tersebut.

Bagi liabiliti kewangan, piawaian mengekalkan sebahagian besar daripada keperluan MFRS 139. Perubahan utama adalah, dalam kes-kes di mana pilihan nilai saksama telah digunakan bagi liabiliti kewangan, bahagian di mana nilai saksama berubah disebabkan oleh risiko kredit entiti itu sendiri direkod dalam pendapatan komprehensif lain, bukan dalam penyata pendapatan, melainkan jika ia mewujudkan ketidaksamaan perakaunan.

Kumpulan dan Syarikat masih belum menilai kesan MFRS 9 sepenuhnya. Kumpulan dan Syarikat akan turut mempertimbangkan kesan fasa-fasa MFRS 9 yang seterusnya apabila disempurnakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”).

### **2.2 Entiti ekonomi di dalam Kumpulan**

#### **(a) Anak syarikat**

Penyata kewangan Kumpulan menyatakan penyata-penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya. Anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti tersusun) di mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan dan mempunyai kemampuan untuk memberi kesan kepada pulangan melalui kuasanya ke atas entiti tersebut. Anak syarikat disatukan secara keseluruhan dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh apabila kawalan terhenti.

Pada tahun 2008, penyusunan semula Kumpulan yang melibatkan swap syer Syarikat dengan Cagamas telah dimasukkan ke dalam akaun sebagai pemerolehan terbalik di bawah FRS 3 “Penggabungan Perniagaan”.

Di bawah perakaunan pemerolehan terbalik, Syarikat mengiktiraf satu rizab pelepasan premium syer untuk merekod lebihan nilai saksama pelaburan ke atas modal syer. Dalam penyata kewangan disatukan, satu rizab pelepasan pemerolehan terbalik diwujudkan untuk mengimbangi rizab pelepasan premium syer.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah pembelian perakaunan kecuali bagi gabungan perniagaan tertentu yang diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan seperti berikut:

- anak syarikat yang disatukan sebelum 1 April 2002 selaras dengan Piawaian Perakaunan Malaysia 2 “Perakaunan bagi Pengambilalihan dan Penggabungan”, prinsip perakaunan yang secara amnya diterima pakai pada waktu itu;
- penyatuan perniagaan yang disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi tarikh perjanjiannya sebelum 1 Januari 2006 yang menepati syarat penggabungan seperti yang dinyatakan dalam MFRS 1222004 “Penyatuan Perniagaan”;

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Entiti ekonomi di dalam Kumpulan (sambungan)**

#### **(a) Anak syarikat (sambungan)**

- penyusunan semula kumpulan secara dalaman seperti yang ditetapkan dalam FRS 122, disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 di mana:
  - pemegang syer muktamad kekal sama, dan hak setiap pemegang syer, berbanding dengan yang lain, tidak berubah; dan
  - syer minoriti ke atas nilai aset bersih Kumpulan ini tidak berubah oleh perpindahan itu.
- penyatuan perniagaan yang melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh perjanjian pada/selepas 1 Januari 2006.

Kumpulan ini telah mengambil kesempatan daripada pengecualian yang diberikan dalam MFRS 1, MFRS 3 dan FRS 122/2004, untuk menggunakan Piawaian ini secara prospektif. Justeru, penyatuan perniagaan yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa masing-masing tidak dinyatakan semula bagi mematuhi Piawaian tersebut.

Di bawah kaedah pembelian dalam perakaunan, anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan ini dan diasingkan dari tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan menggunakan kaedah pemerolehan dalam mengambil kira penyatuan perniagaan. Balasan yang telah dipindahkan untuk pemerolehan anak syarikat merupakan nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang tertanggung pada bekas pemilik syarikat yang diambil alih serta faedah ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Balasan yang dipindahkan termasuklah nilai saksama sebarang aset atau liabiliti yang terhasil daripada persetujuan balasan luar jangka. Aset diperolehi yang boleh dikenal pasti serta liabiliti dan liabiliti luar jangka yang tertanggung dalam penyatuan perniagaan diukur di peringkat awalnya pada nilai saksama masing-masing pada tarikh pemerolehan.

Kos berkaitan pemerolehan dihitung sebagai tertanggung.

Sebarang balasan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan ini diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Perubahan yang berlaku selepas itu kepada nilai saksama balasan luar jangka dianggap suatu aset atau liabiliti menurut MFRS 139 sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif yang lain. Balasan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diambil kira ke dalam ekuiti.

Urus niaga antara entiti dalam Kumpulan, baki dan keuntungan tidak terealisasi daripada urus niaga antara kumpulan syarikat dilupuskan. Kerugian tidak terealisasi juga dilupuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk penjejasan bagi aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan anak syarikat telah diubah di mana perlu bagi memastikan agar ia konsisten dengan dasar yang digunakan oleh Kumpulan.

Untung atau rugi daripada pelupusan anak syarikat ialah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan hak Kumpulan terhadap aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan anak syarikat tersebut, dan dinyatakan di dalam penyata pendapatan disatukan.

#### **(b) Syarikat usaha sama (“JV”)**

Kepentingan Kumpulan dalam JV sebelum ini dinyatakan dalam penyata kewangan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, kepentingan dalam JV sebelum ini diambil kira di peringkat awal pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengambil kira bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi selepas pemerolehan dan pergerakan dalam pendapatan komprehensif lain dan bahagiannya dalam pergerakan rizab selepas pengambilalihan.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.3 Entiti tersusun**

Entiti tersusun adalah sebuah entiti di mana hak mengundi bukan merupakan faktor utama dalam menentukan pihak yang mengawal entiti berkenaan, contohnya apabila sebarang hak mengundi mempunyai kaitan dengan tugas pentadbiran semata-mata dan kegiatan yang berkaitan dikendalikan menerusi pengaturan berkontrak. Entiti tersusun lazimnya mempunyai kegiatan yang terhad, objektif khusus dan ditakrif dengan baik, memiliki ekuiti yang amat sedikit dan dibiayai oleh beberapa instrumen yang dihubungkan secara kontrak, seperti pensekuritian kenderaan, pembiayaan bersandarkan aset dan dana pelaburan.

Kumpulan telah menetapkan Cagamas SME Berhad (“CSME”) dan BNM Sukuk Berhad (“BNM Sukuk”) sebagai dua entiti tersusun, masing-masing untuk tujuan urusan pensekuritian aset dan membantu BNM menguruskan kecairan sektor perbankan Islam.

Kumpulan menyatakan sebarang entiti yang dikawalnya dan kawalan dibuktikan menerusi ketiga-tiga perkara berikut:

- (a) Kumpulan berkuasa ke atas entiti, di mana ia dinyatakan sebagai mempunyai hak semasa yang memberi kemampuan pada masa ini untuk mengarahkan kegiatan-kegiatan berkaitan, iaitu kegiatan yang paling mempengaruhi pulangan entiti tersebut;
- (b) Kumpulan mempunyai pendedahan atau hak-hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan; dan
- (c) Kumpulan mempunyai kemampuan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti tersebut bagi mempengaruhi jumlah pulangan.

Kumpulan tidak menyatakan BNM Sukuk kerana ia tidak mempunyai kawalan ke atas entiti tersebut. Kumpulan hanya berperanan sebagai pemudah cara bagi penerbitan Sukuk BNM Ijarah untuk membiayai pembelian kepentingan benefisial bagi tanah dan bangunan daripada BNM dan kemudian, memajak tanah dan bangunan yang sama kembali kepada BNM.

CSME disatukan berkuatkuasa dari tahun semasa berikutnya luputnya kuasa pemegang amanah apabila satu-satunya urus niaga pensekuritian CSME matang pada tahun 2013. Disebabkan oleh luputnya kuasa pemegang amanah, Kumpulan kini dapat melaksanakan kawalan ke atas entiti tersebut.

### **2.4 Jumlah ter hutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam**

Nota 1 kepada penyata kewangan menyatakan kegiatan utama Kumpulan dan Syarikat yang meliputi, antara lain, pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan aset sewa beli dan pemajakan. Kegiatan-kegiatan ini turut digariskan dalam klausa objek dalam Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, jumlah ter hutang daripada rakan niaga aset pembiayaan Islam bagi pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan aset sewa beli serta pemajakan dinyatakan pada baki pokok belum berbayar yang ter hutang kepada Kumpulan. Pendapatan faedah/untung atas jumlah ter hutang daripada rakan niaga aset pembiayaan Islam diiktiraf atas asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/untung masing-masing berdasarkan baki pada setiap bulan

### **2.5 Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam**

Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam diperoleh oleh Kumpulan daripada pemberi pinjaman pada nilai saksama. Pemberi pinjaman bertindak sebagai penyelenggara dan membayar amanu pokok dan pendapatan faedah/untung daripada aset tersebut kepada Kumpulan dalam jangka masa yang telah ditetapkan seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam dinyatakan pada baki pokok belum berbayar yang ter hutang kepada Kumpulan dan dilaraskan untuk diskauan tidak bertambah. Pendapatan faedah/untung bagi aset diiktiraf atas asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/untung masing-masing berdasarkan baki pada setiap bulan. Diskauan yang timbul daripada perbezaan antara harga belian dan nilai buku bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang diperoleh, ditambah nilai kepada penyata pendapatan di sepanjang hayat aset tersebut menggunakan kaedah kadar pulangan dalam.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.6 Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual (“AFS”)**

Sekuriti pelaburan AFS adalah sekuriti yang diperoleh dan dipegang untuk menjana hasil atau pertumbuhan modal dan lazimnya dipegang untuk tempoh masa yang tidak pasti, dan boleh dijual sebagai tindak balas kepada keadaan pasaran.

Pembelian pelaburan diiktiraf pada tarikh Kumpulan dan Syarikat bersetuju untuk membeli pelaburan tersebut. Pelaburan akan dinyahiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat bersetuju untuk menjual pelaburan tersebut dan telah memindahkan hampir kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

Sekuriti pelaburan AFS dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan dengan perubahan nilai saksama terkumpul ditunjukkan di bawah rizab AFS di dalam ekuiti, dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila sekuriti pelaburan tersebut dilupuskan, dikumpul atau dijual, atau apabila sekuriti tersebut didapati terjejas. Nilai saksama sekuriti pelaburan AFS diperoleh daripada sebut harga indikatif pasaran atau harga pasaran yang dapat dilihat pada tarikh laporan.

Keuntungan atau kerugian direalisasi semasa penyahiktirafan sekuriti pelaburan AFS, yang diperoleh berdasarkan perbezaan antara kutipan yang diterima dan nilai bawa sekuriti tersebut berserta sebarang keuntungan atau kerugian belum direalisasi terkumpul yang timbul daripada perubahan nilai saksama yang diiktiraf sebelumnya dalam ekuiti, dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan tahun semasa.

Sila rujuk dasar perakaunan mengenai penjejasan aset kewangan dalam Nota 2.9 (a) kepada penyata kewangan.

Pendapatan faedah/untung daripada sekuriti pelaburan AFS diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun bagi sekuriti pelaburan AFS diiktiraf sebagai pendapatan faedah/untung menggunakan kaedah hasil efektif.

### **2.7 Pelaburan dalam anak syarikat dan entiti tersusun**

Pelaburan dalam anak syarikat dan entiti tersusun dinyatakan pada kos. Apabila wujud petunjuk penjejasan, amaun yang dibawa oleh pelaburan akan dinilai dan dikurangkan nilainya serta-merta kepada amaun yang boleh didapatkan balik. Nota 2.9 kepada penyata kewangan menghuraikan dasar perakaunan Kumpulan mengenai penjejasan aset dan Nota 3 memperincikan anggaran dan andaian perakaunan yang kritikal.

### **2.8 Harta dan kelengkapan serta susut nilai**

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, jika ada. Kos termasuk perbelanjaan yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan barang tersebut.

Susut nilai dikira atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat bergunanya, dengan pengecualian bagi kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusut nilai. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

Peralatan pejabat	20 – 25%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam nilai bawa aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi pada masa depan yang berkaitan dengan barang tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos barang tersebut dapat diukur dengan pasti. Amaun bawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaran yang lain diambil kira ke dalam penyata pendapatan semasa tahun kewangan ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang tanda penjejasan. Jika wujud tanda sedemikian, analisis akan dijalankan untuk menilai sama ada nilai bawa aset tersebut boleh diperoleh semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya nilai bawa melebihi amaun yang boleh diperoleh semula. Dasar perakaunan Kumpulan berkenaan penjejasan aset bukan kewangan ditunjukkan dalam Nota 2.9 (b) kepada penyata kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan nilai bawa dan dimasukkan ke dalam untung/(rugi) daripada operasi.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.9 Penjejasan aset**

#### **(a) Aset kewangan**

##### **(i) Aset dibawa pada kos terlunas**

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat bukti nyata bahawa sesuatu aset terjejas. Sesuatu aset terjejas dan kerugian penjejasan ditanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti penjejasan yang nyata akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal terhadap aset tersebut ("peristiwa kerugian") dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan terhadap anggaran aliran tunai bagi aset tersebut di masa depan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara nilai bawa aset dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Nilai bawa aset tersebut dikurangkan menggunakan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diambil kira dalam penyata pendapatan.

Sekiranya dalam tempoh berikutnya jumlah kerugian penjejasan berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara nyata dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam penarafan kredit penghutang), kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Jumlah yang dibalikkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

##### **(ii) Aset dikelasifikasi sebagai AFS**

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat bukti yang nyata bahawa suatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Jika wujud bukti yang sedemikian, kerugian terkumpul, yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan terhadap aset kewangan yang telah diiktiraf sebelumnya, dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang dikelasifikasi sebagai sekuriti pelaburan AFS meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara nyata dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian penjejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian penjejasan akan dibalikkan melalui penyata pendapatan.

#### **(b) Aset bukan kewangan**

Aset yang mempunyai tempoh hayat berguna yang berpanjangan tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk penjejasan. Aset yang tertakluk kepada susut nilai atau pelunasan dikaji semula untuk penjejasan bila mana peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai buku bagi aset berkenaan boleh diperolehi semula. Kerugian penjejasan diiktiraf untuk jumlah di mana nilai bawa aset tersebut melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun yang boleh diperolehi semula adalah nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai gunanya, bergantung kepada yang mana lebih tinggi. Kerugian penjejasan diambil kira ke dalam penyata pendapatan, kecuali jika ia membalikkan penilaian semula yang terdahulu yang telah dimasuk kira ke dalam lebihan penilaian semula. Sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah yang boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### **2.10 Pengiktirafan pendapatan bagi aset gadai janji dan sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam dan jaminan**

Pendapatan faedah untuk aset konvensional dan pendapatan untung daripada aset Islam diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah/untung efektif. Pertambahan diskaun diiktiraf menggunakan kaedah kadar pulangan dalaman. Pendapatan yuran jaminan dan Wakalah diiktiraf semasa penerbitan jaminan, berdasarkan kaedah garis lurus.

### **2.11 Premium dan diskaun ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar dan Sukuk**

Premium ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon dan nota/Sukuk berkenaan ditambah nilai ke dalam penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota/Sukuk tersebut atas dasar hasil efektif. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon dan nota/Sukuk berkenaan, perbezaannya, yang merupakan diskaun, dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota/Sukuk berdasarkan hasil efektif.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.12 Cukai semasa dan tertunda**

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan untung kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta nilai bawa dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa depan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh dipotong atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

### **2.13 Tunai dan bersamaan tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai merangkumi wang tunai serta baki dan deposit dalam bank yang sedia boleh ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang kecil.

### **2.14 Instrumen kewangan berimbangan**

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersihnya dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan apabila tedapat hasrat untuk menyelesaiannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset serta menyelesaikan liabiliti tersebut secara serentak.

### **2.15 Laporan segmen**

Segmen operasi dilaporkan dalam bentuk yang konsisten dengan laporan dalaman yang digunakan oleh ketua operasi yang membuat keputusan. Ketua operasi pembuat keputusan adalah individu atau kumpulan yang mengagihkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi Kumpulan. Kumpulan telah menetapkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif sebuah anak syarikat, Cagamas Berhad untuk menjadi ketua operasi pembuat keputusan.

### **2.16 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai**

Swap kadar faedah ("IRS")/swap kadar untung Islam ("IPRS") digunakan oleh Kumpulan bagi melindungi nilai terbitan sekuriti hutang/Sukuk daripada potensi pergerakan dalam kadar faedah/untung. Butiran lanjut mengenai IRS/IPRS dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama IRS/IPRS diiktiraf pada peringkat permulaannya dalam penyata kedudukan kewangan, manakala perubahan nilai saksama berikutnya yang berhasil akibat turun naik kadar faedah/untung pasaran direkodkan sebagai aset derivatif (memuaskan) atau liabiliti derivatif (tidak memuaskan).

Bagi derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kerugian dan keuntungan daripada perubahan dalam nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan.

Bagi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kaedah untuk mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama bergantung kepada jenis lindung nilai.

Untuk menggunakan pakai perakaunan lindung nilai, Kumpulan mendokumenkan sewaktu permulaan hubungan antara instrumen lindung nilai dan perkara dilindung nilai, termasuk objektif pengurusan risiko bagi melaksanakan pelbagai urus niaga dan kaedah lindung nilai yang digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai tersebut.

Kumpulan turut mendokumen penilaianya pada permulaan lindung nilai dan secara berterusan, sama ada derivatif tersebut mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dalam mengimbangi perubahan nilai saksama atau aliran tunai bagi perkara yang dilindung nilai.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.16 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai (sambungan)**

#### ***Lindung nilai aliran tunai***

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama bagi derivatif yang telah ditetapkan dan berkelayakan sebagai lindung nilai bagi aliran tunai masa depan diiktiraf secara langsung dalam rizab lindung nilai aliran tunai, dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perkara yang dilindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi. Bahagian untung atau rugi yang tidak berkesan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan di bawah "Pendapatan bukan faedah".

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang wujud dalam rizab lindung nilai aliran tunai akan kekal sehingga urus niaga ramalan akhirnya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila urus niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab lindung nilai aliran tunai ini akan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

### **2.17 Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif semasa akibat daripada peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Apabila Kumpulan dan Syarikat menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa depan.

Apabila terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun jika kemungkinan aliran keluar bagi mana-mana perkara yang termasuk dalam kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa bagi perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus bagi obligasi tersebut. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

### **2.18 Zakat**

Zakat adalah wajib ke atas semua orang Islam yang pemilikannya mencapai tahap nisab minimum.

Kumpulan dan Syarikat sedar akan tanggungjawabnya dalam membayar zakat perniagaan. Zakat untuk tahun semasa diambil kira apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi zakat semasa hasil daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat ditaksir apabila Kumpulan dan Syarikat telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu jangka masa yang dikenali sebagai haul.

Kadar zakat yang telah digubal atau hampir pasti digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan diguna untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan, sebagaimana diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan untuk tahun kewangan ini adalah sebanyak 2.5% (2012: 2.5%) daripada asas zakat. Asas zakat Syarikat ini ditentukan berdasarkan keuntungan selepas cukai bagi setiap Syarikat dalam Kumpulan selepas ditolak pendapatan dividen serta pendapatan dan perbelanjaan bukan operasi tertentu. Zakat perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang ditaksir diambil kira sebagai perbelanjaan pada tahun ia tertanggung.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.19 Manfaat pekerja**

#### **(a) Manfaat pekerja jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh para pekerja Kumpulan.

#### **(b) Pelan caruman wajib**

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), iaitu pelan caruman wajib negara. Caruman kepada KWSP diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun yang berkaitan. Apabila caruman dibuat, Kumpulan tidak lagi mempunyai obligasi bayaran pada masa depan. Bayaran caruman terdahulu diiktiraf sebagai aset sehingga bayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran pada masa depan boleh didapat.

### **2.20 Aset tak ketara**

#### **(a) Perisian komputer**

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dipermodalkan berdasarkan kos yang tertanggung untuk memperoleh dan menggunakan perisian tertentu. Kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran hayat bergunanya selama tiga hingga lima tahun.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut tertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh Kumpulan serta berkemungkinan boleh menjana faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang tertanggung hasil daripada pembangunan perisian dan suatu bahagian yang sesuai bagi overhead yang berkaitan.

Kos pembangunan perisian komputer yang diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 3 tahun.

#### **(b) Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir**

Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir ("Hak Perkhidmatan") merupakan hak terjamin untuk menerima faedah ekonomi yang dijangkakan di masa depan melalui yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir untuk terbitan Sekuriti Bersandarkan Gada Janji Kediaman ("RMBS") dan Sekuriti Bersandarkan Gada Janji Kediaman Islam IRMBS.

Hak perkhidmatan diambil kira sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas tempoh RMBS dan IRMBS.

Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan diuji setiap tahun untuk sebarang tanda penjejasan. Sekiranya wujud tanda sedemikian, analisis akan dibuat untuk menaksir sama ada nilai bawa aset tersebut boleh diperoleh semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya nilai bawa melebihi amaun yang boleh diperoleh semula. Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan dibawa pada nilai kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Sila rujuk dasar perakaunan mengenai penjejasan aset bukan kewangan dalam Nota 2.9 (b) kepada penyata kewangan.

### **2.21 RMBS dan IRMBS**

RMBS dan IRMBS diterbitkan untuk membayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada GOM. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, RMBS dan IRMBS telah dinyatakan pada kos dilunaskan.

Perbelanjaan faedah ke atas RMBS dan untung diatribut kepada IRMBS diiktiraf menggunakan kaedah hasil berkesan.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.22 Modal syer**

#### **(a) Klasifikasi**

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Syer-syer lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut asas ekonomi instrumen berkaitan.

Pengagihan kepada para pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti diambil kira terus ke dalam ekuiti.

#### **(b) Dividen kepada para pemegang syer Syarikat**

Dividen ke atas syer biasa diambil kira sebagai liabiliti apabila diisyiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisyiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tidak diambil kira sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen akan diambil kira sebagai liabiliti apabila dividen tersebut perlu dibayar.

### **2.23 Mata wang fungsian dan pembentangan**

Perkara yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat diukur menggunakan mata wang bagi persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan bagi Kumpulan dan Syarikat.

### **2.24 Instrumen kewangan**

#### **(a) Huraian**

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi sesebuah entiti serta liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi entiti yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang merupakan tunai, hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti yang lain, hak kontraktual untuk menukar instrumen kewangan dengan entiti yang lain di bawah syarat yang memiliki potensi memuaskan, atau instrumen ekuiti bagi entiti yang lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang liabiliti yang merujuk kepada obligasi kontraktual untuk memberi tunai atau aset kewangan lain kepada entiti yang lain, atau untuk menukar instrumen kewangan dengan entiti yang lain di bawah syarat yang mempunyai potensi tidak memuaskan.

#### **(b) Anggaran nilai saksama untuk tujuan pendedahan**

Sila rujuk Nota 44 untuk kaedah dan andaian terperinci yang diperlukan untuk membuat anggaran nilai saksama bagi setiap jenis instrumen kewangan.

Dalam menaksir nilai saksama instrumen kewangan yang lain, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian berdasarkan keadaan pasaran sedia ada pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Harga sebutan pasaran atau sebut harga peniaga untuk instrumen yang khusus atau serupa digunakan untuk hutang jangka panjang. Teknik lain, seperti model penentuan harga opsyen dan anggaran nilai terdiskaun bagi aliran tunai masa depan digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama bagi liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai kontraktual masa depan pada kadar faedah pasaran semasa yang tersedia kepada Kumpulan untuk instrumen kewangan yang serupa.

Nilai muka aset kewangan (ditolak anggaran pelarasaran kredit) dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang yang kurang daripada satu tahun diandaikan sebagai hampir dengan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut.

## **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.25 Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka**

Kumpulan dan Syarikat tidak mengambil kira liabiliti luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan apabila terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa depan yang tidak pasti berlaku dan di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diambil kira kerana tiada kemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka turut timbul dalam kes yang jarang-jarang sekali berlaku di mana terdapat liabiliti yang boleh diambil kira kerana ia tidak dapat diukur secara tepat.

Kumpulan dan Syarikat tidak mengambil kira aset luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, biarpun tidak pasti. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa-peristiwa lalu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih daripada satu peristiwa masa depan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat.

## **3. ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan kritikal tertentu dan membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan untuk Kumpulan.

Anggaran dan pertimbangan akan dinilai secara berterusan dan ia adalah berdasarkan sejarah pengalaman serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa pada masa depan yang dipercayai munasabah akan berlaku menurut keadaan tertentu. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang terhasil jarang-jarang menyamai keputusan sebenarnya. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar dan memerlukan pelarasan ketara kepada nilai bawa bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dijelaskan di bawah.

### **(a) Nilai saksama derivatif dan sekuriti pelaburan AFS**

Anggaran dan andaian yang dianggap berkemungkinan besar akan memberi impak kepada keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan adalah yang berkaitan dengan penilaian saksama derivatif serta sekuriti pelaburan AFS yang tidak disebut harga di mana model penilaian digunakan. Kumpulan telah membuat pertimbangan untuk memilih teknik penilaian yang sesuai dengan instrumen tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan dalam andaian yang dibuat serta faktor pasaran yang digunakan boleh menjelaskan nilai saksama yang dilaporkan.

### **(b) Penjejasan aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam**

Kumpulan membuat peruntukan bagi kerugian aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam berdasarkan taksiran kebolehpulihan. Walaupun pertimbangan pihak pengurusan adalah berpanduan keperluan MFRS 139, pihak pengurusan juga membuat pertimbangan mengenai masa depan serta faktor-faktor utama lain yang berkaitan dengan pemulihian aset. Antara faktor yang dipertimbangkan adalah nilai bersih boleh direalisasi bagi nilai cagaran yang mendasari serta keupayaan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi bagi membayar aset tersebut.

### **(c) Pensekuritian dan entiti tersusun**

Kumpulan menuahkan entiti tersusun terutamanya untuk tujuan urus niaga pensekuritian aset. Kumpulan tidak menyatakan entiti tersusunnya yang bukan di bawah kawalannya. Apabila nilai sama ada Kumpulan perlu menyatakan sebuah entiti tersusun, Kumpulan akan menilai pelbagai faktor untuk menentukan kawalan, termasuk sama ada ia terdedah, atau mempunyai hak, ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti tersusun dan mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi pulangan berkenaan melalui kuasanya ke atas entiti tersusun tersebut.

Kumpulan menyatakan sebuah entiti tersusun jika penilaian faktor-faktor berkaitan menunjukkan bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya.

### **3. ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)**

#### **(d) Yuran bonus budi bicara**

Yuran bonus budi bicara yang dibayar kepada GOM ditentukan oleh CMBS dengan merujuk kepada garis panduan, kriteria dan petunjuk prestasi yang dianggap sesuai oleh CMBS. Ini adalah berdasarkan prestasi GOM dalam melaksanakan tanggungjawab perkhidmatannya sehingga ke tahap di mana RMBS dan/atau IRMBS ditebus sepenuhnya dan semua obligasi serta liabiliti CMBS berhubung dengan RMBS/IRMBS dilepaskan.

### **4. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO**

Pengurusan Risiko merupakan satu bahagian penting perniagaan dan operasi Kumpulan. Ia merangkumi mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, Kumpulan telah memperkemaskan pengurusan risiko selaras dengan kegiatan perniagaannya dan meningkatkan kawalan utama bagi memastikan keberkesanan serta kebebasannya daripada kegiatan mengambil risiko.

Kumpulan terus membangunkan sumber manusianya, mengkaji semula proses sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baharu yang selaras dengan amalan pengurusan risiko terbaik. Matlamat Kumpulan ialah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi di kalangan kakitangan barisan hadapan dan di belakang tabir, di mana risiko diurus secara sistematis dan tahap pengambilan risiko diselaraskan dengan tahap kesanggupan menerima risiko serta keperluan ganjaran risiko yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

#### **4.1 Struktur Pengurusan Risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara mutlak terhadap pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan tahap kesanggupan menerima risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan serta profil risiko yang diingini oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut mengkaji dan meluluskan semua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan supaya wujud pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan.

Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapat tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi serta berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko adalah bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko. Jabatan ini bertanggungjawab untuk melaporkan tentang pendedahan risiko secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan menyelaraskan pengurusan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

#### **4.2 Pengurusan risiko kredit**

Risiko kredit adalah kemungkinan bahawa seseorang peminjam atau pihak berurusan gagal memenuhi obligasi kewangannya apabila ia perlu dijelaskan. Risiko kredit timbul dalam perkara kunci kira-kira seperti pinjaman dan pelaburan, serta di luar perkara kunci kira-kira seperti jaminan dan kegiatan lindung nilai perbendaharaan.

Kumpulan menguruskan risiko kreditnya dengan menapis para peminjam serta pihak berurusan, menetapkan kriteria kelayakan yang berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Kumpulan mempunyai sistem penarafan dalaman yang menentukan had kredit maksimum yang dibenarkan untuk setiap kategori penarafan. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman serta keperluan perniagaan. Semua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan sebarang ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk diperbetulkan segera.

Risiko kredit turut dikurangkan melalui aset-aset asas yang terdiri daripada aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam.

## **4. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)**

### **4.3 Pengurusan risiko pasaran**

Risiko pasaran adalah potensi kerugian daripada pergerakan bertentangan dalam harga dan kadar pasaran. Pendedahan risiko pasaran terhad hanya kepada risiko kadar faedah/untung kerana Kumpulan tidak terlibat dalam sebarang kegiatan perniagaan ekuiti, tukaran mata wang asing atau komoditi.

Kumpulan mengawal pendedahan risiko pasarannya dengan mengenakan had ambang. Had ini ditetapkan berdasarkan tahap kesanggupan menerima risiko Kumpulan dan hubungan pulangan risiko. Had ini dikaji semula dan dipantau secara kerap. Sistem pengurusan liabiliti aset yang menyediakan alat seperti analisis jurang tempoh, analisis sensitiviti faedah dan simulasi pendapatan digunakan untuk memantau risiko kadar faedah/untung.

Instrumen derivatif seperti swap kadar faedah/untung turut digunakan oleh Kumpulan untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasaran terhadap turun naik kadar faedah/untung.

### **4.4 Pengurusan risiko kecairan**

Risiko kecairan timbul apabila Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangannya apabila perlu dijelaskan.

Kumpulan mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang atau Sukuk. Kumpulan merancang kedudukan aliran tunainya dan memantau dengan teliti setiap transaksi perniagaan bagi memastikan dana yang tersedia adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan di sepanjang masa. Di samping itu, Kumpulan memperuntukkan rizab kecairan yang agak besar untuk memenuhi sebarang kekurangan aliran tunai yang tidak dijangka atau keadaan ekonomi pasaran kewangan yang buruk.

Proses pengurusan kecairan Kumpulan, seperti yang dilaksanakan dalam anak syarikat dan dipantau oleh jabatan yang berkaitan, meliputi:

- Mengurus aliran tunai yang tidak sepadan serta had jurang kecairan yang melibatkan penilaian terhadap semua aliran masuk tunai Kumpulan berbanding aliran keluar tunai bagi mengenal pasti sebarang potensi kekurangan tunai bersih dan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi obligasi tunainya apabila perlu dijelaskan;
- Memadankan pembiayaan pembelian hutang dengan aliran tunai yang dijangkakan, tempoh serta jangka masa pembiayaan;
- Memantau nisbah kecairan Kumpulan berbanding keperluan dalamannya;
- Menguruskan tumpuan dan profil pembiayaan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan.

## **5. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Syarikat</b>	
	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>	<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan lain	50,728	51,282	20	11
Wang panggilan dan penempatan deposit matang dalam tempoh sebulan	1,158,100	565,368	544	779
Wang panggilan Mudharabah dan penempatan deposit matang dalam tempoh sebulan	55,137	94,319	—	—
	<b>1,263,965</b>	<b>710,969</b>	<b>564</b>	<b>790</b>

## **6. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN**

<b>Bank berlesen</b>	<b>851,692</b>	<b>365,349</b>	<b>723</b>	<b>542</b>
----------------------	----------------	----------------	------------	------------

## 7. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

IRS/IPRS digunakan sebagai kaedah lindung nilai untuk menyokong penerbitan bon berkadar tetap bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji pada kadar terapung. Dengan memeterai IRS/IPRS, Kumpulan dilindungi daripada pergerakan bertentangan dalam kadar faedah/untung memandangkan Kumpulan membayar penerimaan kadar terapung daripada pembelian kadar terapungnya dan menerima bayaran berkadar tetap daripada pihak berurusan swap. Bayaran berkadar tetap ini akan digunakan untuk membayar faedah/untung ke atas bon berkadar tetap yang diterbitkan.

IRS/IPRS juga digunakan untuk melindung nilai penerbitan sekuriti hutang/Sukuk Kumpulan dalam persekitaran kadar faedah yang sedang meningkat. Dalam pusingan pertama urus niaga, Kumpulan membayar faedah/untung pada kadar tetap dan menerima bayaran pada kadar terapung daripada pihak berurusan swap. Semasa sekuriti hutang diterbitkan, Kumpulan memeterai urus niaga IRS/IPRS dengan mengambil kedudukan yang berlawanan untuk jumlah yang sama seperti pada pusingan pertama urus niaga. IRS/IPRS melindungi Kumpulan dalam persekitaran kadar faedah/untung yang sedang meningkat memandangkan Kumpulan akan menerima kadar tetap yang lebih tinggi berbanding kadar tetap yang lebih tinggi yang perlu dibayar oleh Kumpulan kepada para pemegang bon/Sukuk.

Matlamat apabila menggunakan mana-mana instrumen derivatif adalah untuk memastikan supaya profil risiko dan ganjaran bagi sebarang urus niaga dioptimumkan. Tujuannya adalah untuk hanya menggunakan derivatif bagi mewujudkan lindung nilai yang berkesan dari segi ekonomi. Walau bagaimanapun, disebabkan keperluan khusus MFRS 139 untuk mendapatkan perakaunan lindung nilai, tidak semua lindung nilai ekonomi diambil kira sebagai lindung nilai perakaunan, sama ada kerana pengimbangan perakaunan semula jadi telah dijangka atau kerana mendapatkan perakaunan lindung nilai adalah amat membebankan.

### (a) *Lindung nilai aliran tunai*

Kumpulan ini telah menetapkan beberapa IRS/IPRS sebagai lindung nilai aliran tunai pada tahun kewangan. Jumlah nilai saksama derivatif yang termasuk dalam lindung nilai aliran tunai pada 31 Disember 2013 adalah kredit yang berjumlah RM28.6 juta (2012: RM52.6 juta).

### (b) *Lindung nilai bagi nilai saksama*

Pada masa ini, Kumpulan tidak menetapkan sebarang derivatif sebagai lindung nilai saksama.

### (c) *Lindung nilai pelaburan bersih*

Buat masa ini, Kumpulan tidak menetapkan sebarang derivatif sebagai lindung nilai pelaburan bersih.

Semua instrumen kewangan derivatif dipegang untuk tujuan lindung nilai ekonomi. Walau bagaimanapun, tidak semua derivatif ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai di bawah terma MFRS 139. Analisis di bawah mengasingkan derivatif antara yang berkaitan dengan perakaunan lindung nilai dan yang tidak berkaitan dengan perakaunan lindung nilai.

Kumpulan RM'000	Kontrak/ jumlah nosional	2013		2012	
		Nilai saksama Aset	Liabiliti	Nilai saksama Aset	Liabiliti
<b>Derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai</b>					
IRS/IPRS	910,000	7,286	(35,898)	910,000	1,115

Baki tempoh dan amaun pokok nosional bagi IRS/IPRS tertunggak adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Tiga hingga lima tahun	800,000	500,000
Lebih daripada lima tahun	110,000	410,000
	910,000	910,000

**8. SEKURITI PELABURAN SEDIA UNTUK DIJUAL ("AFS")**

	Kumpulan	2013	2012
	RM'000	RM'000	
Pada nilai saksama:			
Sekuriti Kerajaan Malaysia	459,968	322,318	
Sekuriti hutang swasta	404,367	265,580	
Terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia	430,070	578,956	
BNM Sukuk	—	99,764	
Sekuriti hutang Islam	570,638	428,180	
Instrumen deposit boleh niaga	83,680	236,033	
Sekuriti hutang kuasi kerajaan	132,361	206,056	
Sekuriti kuasi kerajaan Islam	458,040	13,808	
Instrumen deposit boleh niaga Islam	44,362	—	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	2,583,486	2,150,695	<hr/>

Struktur kematangan sekuriti pelaburan AFS adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	625,269	656,497
Setahun hingga tiga tahun	871,957	718,899
Tiga hingga lima tahun	733,351	536,212
Lebih daripada lima tahun	352,909	239,087
	<hr/>	<hr/>
	2,583,486	2,150,695

**9. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA**

Berkaitan dengan:		
Pinjaman gadai janji	2,623,920	2,706,802
Aset sewa beli dan pajakan	364,866	116,299
Pinjaman peribadi	836,940	873,041
	<hr/>	<hr/>
	3,825,726	3,696,142

Struktur kematangan bagi jumlah terhutang daripada rakan niaga adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	1,459,899	131,335
Setahun hingga tiga tahun	1,266,347	1,464,210
Tiga hingga lima tahun	1,099,480	2,100,597
	<hr/>	<hr/>
	3,825,726	3,696,142

## 10. ASET PEMBIAYAAN ISLAM

	Kumpulan	2013	2012
	RM'000	RM'000	RM'000
Berkaitan dengan:			
Aset pembiayaan rumah Islam	1,457,958	1,063,445	
Aset sewa beli Islam	3,649,680	4,034,911	
Pembiayaan peribadi Islam	1,000,295	2,978,505	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	6,107,933	8,076,861	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Struktur kematangan bagi aset pembiayaan Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	707,743	2,619,653
Setahun hingga tiga tahun	3,478,802	3,002,670
Tiga hingga lima tahun	1,921,388	2,454,538
	<hr/>	<hr/>
	6,107,933	8,076,861
	<hr/>	<hr/>

## 11. ASET GADAI JANJI - KONVENTIONAL

PWOR	11,064,322	9,659,351
	<hr/>	<hr/>

Struktur kematangan aset gadai janji – konvensional adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	1,544,469	1,663,485
Setahun hingga tiga tahun	2,133,924	1,979,075
Tiga hingga lima tahun	2,011,058	1,829,453
Lebih daripada lima tahun	7,456,469	6,295,342
	<hr/>	<hr/>
	13,145,920	11,767,355
	<hr/>	<hr/>
Tolak:		
Diskaun belum bertambah	(2,022,933)	(2,048,045)
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	(58,665)	(59,959)
	<hr/>	<hr/>
	11,064,322	9,659,351
	<hr/>	<hr/>

**12. ASET GADAI JANJI - ISLAM**

	Kumpulan	2013	2012
	RM'000	RM'000	
PWOR	<u>10,648,208</u>	<u>7,124,273</u>	
Struktur kematangan aset gadai janji – Islam adalah seperti berikut:			
Matang dalam tempoh setahun	1,035,431	957,786	
Setahun hingga tiga tahun	1,461,906	1,112,566	
Tiga hingga lima tahun	1,518,588	1,105,016	
Lebih daripada lima tahun	8,368,936	5,358,972	
	<u>12,384,861</u>	<u>8,534,340</u>	
Tolak:			
Diskaun belum bertambah	(1,693,892)	(1,371,313)	
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	(42,761)	(38,754)	
	<u>10,648,208</u>	<u>7,124,273</u>	

**13. ASET SEWA BELI - KONVENTIONAL**

PWOR	<u>4</u>	<u>9</u>
Struktur kematangan bagi aset sewa beli - konvensional adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	<u>5</u>	<u>11</u>
	<u>5</u>	<u>11</u>
Tolak:		
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	<u>(1)</u>	<u>(2)</u>
	<u>4</u>	<u>9</u>

## Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 14. ASET SEWA BELI - ISLAM

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
PWOR	11,196	15,937
Struktur kematangan bagi aset sewa beli - Islam adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	6,177	6,613
Setahun hingga tiga tahun	4,783	8,091
Tiga hingga lima tahun	761	1,894
Lebih daripada lima tahun	–	83
	11,721	16,681
Tolak:		
Diskaun belum bertambah	(458)	(668)
Peruntukan bagi kerugian penjejasan	(67)	(76)
	11,196	15,937

### 15. ASET-ASET LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pembelian balik aset gadai janji	24,186	29,900	–	–
Pinjaman dan pembiayaan kakitangan	2,580	2,918	–	–
Deposit	802	772	–	–
Bayaran terdahulu	1,896	2,035	–	–
Yuran jaminan gadai janji bayar terdahulu	2	3	–	–
Yuran Wakalah bayar terdahulu	–	1	–	–
Aset-aset lain belum terima	666	542	–	89
	30,132	36,171	–	89

**16. HARTA DAN KELENGKAPAN**

<b>Kumpulan RM'000</b>	<b>Peralatan pejabat</b>	<b>Perabot dan kelengkapan</b>	<b>Kenderaan bermotor</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2013	4,901	4,562	598	10,061
Pertambahan	704	5	95	804
Pelupusan	(925)	—	(66)	(991)
Pada 31 Disember 2013	4,680	4,567	627	9,874
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2013	(3,824)	(1,744)	(130)	(5,698)
Caj pada tahun semasa	(573)	(454)	(121)	(1,148)
Pelupusan	925	—	66	991
Pada 31 Disember 2013	(3,472)	(2,198)	(185)	(5,855)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013	1,208	2,369	442	4,019
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2012	4,432	4,555	517	9,504
Pertambahan	588	7	526	1,121
Pelupusan	(119)	—	(445)	(564)
Pada 31 Disember 2012	4,901	4,562	598	10,061
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2012	(3,387)	(1,292)	(514)	(5,193)
Caj pada tahun semasa	(552)	(452)	(61)	(1,065)
Pelupusan	115	—	445	560
Pada 31 Disember 2012	(3,824)	(1,744)	(130)	(5,698)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	1,077	2,818	468	4,363

## 17. ASET TAK KETARA

Kumpulan RM'000	Hak perkhidmatan	Perisian komputer	Lesen	Jumlah
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2013	16,717	11,994	1,152	29,863
Pertambahan	—	47	2,406	2,453
Pada 31 Disember 2013	16,717	12,041	3,558	32,316
<b>Pelunasan Terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2013	(8,910)	(10,520)	(881)	(20,311)
Caj pada tahun semasa	(1,168)	(747)	(217)	(2,132)
Pada 31 Disember 2013	(10,078)	(11,267)	(1,098)	(22,443)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013	6,639	774	2,460	9,873
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2012	16,717	11,869	1,013	29,599
Pertambahan	—	121	143	264
Pengelasan semula	—	4	(4)	—
Pada 31 Disember 2012	16,717	11,994	1,152	29,863
<b>Pelunasan Terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2012	(7,706)	(9,212)	(885)	(17,803)
Caj pada tahun	(1,204)	(1,122)	(182)	(2,508)
Pengelasan semula	—	(186)	186	—
Pada 31 Disember 2012	(8,910)	(10,520)	(881)	(20,311)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2012	7,807	1,474	271	9,552

Hak perkhidmatan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh RMBS/IRMBS. Baki tempoh pelunasan aset tak ketara adalah antara 1 hingga 14 tahun (2012: 2 hingga 15 tahun).

## Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 18. CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk menolak aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda tersebut mempunyai kaitan dengan penguatkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, yang ditentukan selepas diimbangi dengan sewajarnya, ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan.

RM'000	Kumpulan		Syarikat	
	2013	2012	2013	2012
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)	11,993	12,688	—	—
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)	(519,589)	(474,569)	—	—
<b>Liabiliti cukai tertunda</b>	<b>(507,596)</b>	<b>(461,881)</b>	<b>—</b>	<b>—</b>

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda Kumpulan pada tahun kewangan terdiri daripada berikut:

Kumpulan RM'000	<b>Baki pada 1 Januari</b>	Diambil kira		<b>Baki pada 31 Disember</b>		
		dalam penyata pendapatan	Diambil kira dalam rizab			
<b>2013</b>						
<b>Aset/(liabiliti) cukai tertunda</b>						
Susut nilai cukai dipercepatkan	(3,360)	1,694	—	(1,666)		
Diskaun belum bertambah ke atas aset gadai janji	(468,810)	(48,841)	—	(517,651)		
Penilaian semula sekuriti pelaburan AFS	(1,883)	—	6,669	4,786		
Kerugian belum direalisasi ke atas penilaian semula IRS/IPRS di bawah perakaunan lindung nilai aliran tunai	12,211	—	(5,980)	6,231		
Peruntukan	412	232	—	644		
Cukai tertunda yang timbul daripada pengambilalihan syarikat JV	(118)	—	—	(118)		
Perbezaan sementara berkaitan dengan yuran jaminan/Wakalah	36	352	—	388		
Perbezaan sementara berkaitan dengan faedah terakru ke atas deposit dan penempatan	(369)	159	—	(210)		
	<b>(461,881)</b>	<b>(46,404)</b>	<b>689</b>	<b>(507,596)</b>		
<b>2012</b>						
<b>Aset/(liabiliti) cukai tertunda</b>						
Susut nilai cukai dipercepatkan	(4,003)	643	—	(3,360)		
Diskaun belum bertambah ke atas aset gadai janji	(423,048)	(45,762)	—	(468,810)		
Penilaian semula sekuriti pelaburan AFS	(2,385)	—	502	(1,883)		
Kerugian belum direalisasi ke atas penilaian semula IRS/IPRS di bawah perakaunan lindung nilai aliran tunai	13,568	—	(1,357)	12,211		
Peruntukan	—	412	—	412		
Cukai tertunda yang timbul daripada pengambilalihan syarikat JV	—	—	(118)	(118)		
Perbezaan sementara berkaitan dengan yuran jaminan/Wakalah	242	(177)	(29)	36		
Perbezaan sementara berkaitan dengan faedah terakru ke atas deposit dan penempatan	(103)	(62)	(204)	(369)		
	<b>(415,729)</b>	<b>(44,946)</b>	<b>(1,206)</b>	<b>(461,881)</b>		

Tiada sebarang pergerakan dalam aset dan liabiliti cukai tertunda bagi Syarikat pada tahun kewangan semasa dan sebelum ini.

## Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

### 19. PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

Syarikat	2013 RM'000	2012 RM'000
Pelaburan dalam anak syarikat		
Syer tidak disebut harga pada kos	4,185,663	4,185,663

Pada tahun kewangan yang lalu, Syarikat memperoleh baki syer dalam syarikat usaha sama, CMGP untuk balasan pembelian sebanyak RM54,035,414. Pemerolehan tersebut telah disempurnakan pada 20 Disember 2012 dan ia telah memberikan keuntungan seperti berikut:

	2012 RM'000
Balasan pembelian	54,035
Bahagian nilai aset bersih yang diperoleh	(54,177)
Keuntungan	(142)

Keuntungan yang terbit daripada pengambilalihan CMGP telah diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun kewangan yang lalu.

Anak-anak syarikat bagi Syarikat adalah seperti berikut:	Kepentingan dalam ekuiti dipegang oleh Syarikat	2013	2012
--	---	------	------

Nama	Kegiatan Utama	2013	2012
Cagamas	Pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan daripada pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan menerbitkan bon serta nota untuk membayai pembelian tersebut. Cagamas turut membantu kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibayai menerusi terbitan Sukuk.	100%	100%
CMBS	Pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada GOM dan penerbitan RMBS serta IRMBS untuk membayai pembelian.	100%	100%
CSRP	Penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemnitи gadai janji serta lain-lain perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku yang diperkenalkan oleh GOM.	100%	100%
CMGP	Penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemnitи gadai janji dan lain-lain bentuk perlindungan kredit.	100%	100%
Dari sudut pengawalseliaan, Kumpulan tidak perlu mematuhi keperluan Basel II Tunggak 3 Bank Negara Malaysia (BNM). Walau bagaimanapun, Kumpulan telah memilih untuk menerima pakai keperluan pendedahan itu sebagai amalan terbaik bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Kumpulan telah mewujudkan Dasar Pendedahan mengenai Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II Tunggak 3) yang mendokumentkan kandungan, kepentingan, kekerapan pendedahan dan kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam proses pendedahan itu. Dasar ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Dalam menentukan keperluan modal untuk risiko kredit, Kumpulan telah mengamalkan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Termaju (AIRB) bagi portfolio Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR) dan Pendekatan Seragam bagi portfolio Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan pelaburan.

Bagi risiko pasaran, Kumpulan menerima pakai Pendekatan Seragam, manakala keperluan modal wajarnya risiko bagi risiko operasi dibuat berdasarkan kepada Pendekatan Petunjuk Asas yang merupakan purata peratusan yang ditetapkan oleh BNM daripada pendapatan kasar tahunan yang positif sepanjang tempoh tiga tahun sebelumnya.

Di bawah RWCAF Basel II Tunggak 3 BNM, maklumat yang didedahkan di dalamnya tidak perlu diaudit oleh juruaudit luar. Walau bagaimanapun, pendedahan yang disediakan di dalamnya telah disemak dan disahkan oleh juruaudit dalaman dan diperakui oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Pendedahan Teras 3 akan diterbitkan setiap tahun bersama-sama dengan laporan tahunan yang boleh didapati di laman web Syarikat beralamat [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my).

## 2.0 SKOP PEMAKAIAN

Asas bagi penyataan tersebut dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada penyata kewangan. Tiada sekatan yang ketara atau halangan dikenakan kepada pemindahan dana atau modal terkawal dalam Kumpulan. Tiada sebarang anak syarikat dalam Kumpulan mengalami kekurangan modal pada tahun ini.

Bagi tujuan pendedahan Tunggak 3, skopnya dihadkan kepada anak syarikat penting yang ada kaitan dengan aset Kumpulan iaitu Cagamas Berhad sahaja (dirujuk di sini sebagai Syarikat). Oleh kerana Pendedahan Tunggak 3 diterima pakai buat kali pertama, ia tidak menyediakan maklumat perbandingan mengenai pendedahan kuantitatif bagi tahun kewangan sebelumnya. Pendedahan ini perlu dibaca bersama dengan Penyata Kewangan Kumpulan bagi tahun kewangan yang sepadan.

### 3.0 PENGURUSAN MODAL

Pengurusan modal Syarikat dipandu oleh Rangka Kerja Pengurusan Modal yang menetapkan dasar dan prosedur minimum yang diperlukan bagi mengekal kecukupan modal untuk menyokong perkembangan perniagaannya.

Rangka kerja ini bertujuan memastikan Syarikat mengkaji keperluan modalnya sepanjang tempoh minimum 3 tahun, selaras dengan profil risiko dan pelan perniagaan Syarikat dan juga untuk mengekalkan paras modal yang mencukupi sepanjang masa. Ini melibatkan inisiatif utama berikut:

- Fokus kepada usaha mengukur pulangan modal yang telah dilaras risiko dalam nilai cadangan perniagaan yang memerlukan penggabungan peranan pembangunan unik Syarikat di pasaran modal hutang dan sebagai penyedia kecairan;
- Pemantauan secara berterusan keteguhan kedudukan modal dan penggunaan modal yang cekap melalui pelan modal 3 tahun;
- Perancangan awal untuk memenuhi keperluan Basel III, termasuk pelaksanaan ICAAP serta memastikan supaya keperluan modal di bawah senario tekanan diambil kira dalam perancangan modal.

Strategi pengurusan modal bersifat dinamik dan menjangkau masa depan, melibatkan pengurusan keperluan modal perniagaan baharu dan sedia ada serta mengambil kira persekitaran perniagaan yang memberi kesan kepada keperluan dan nilai Syarikat.

Strategi ini melibatkan pengurusan struktur modal Syarikat secara proaktif supaya mencapai tahap berkesan sambil pada masa yang sama mengekalkan keteguhan dan kemantapan kedudukan modal sejajar dengan profil risiko dan menyokong pertumbuhan perniagaan. Ini melibatkan penilaian dan pemantauan berterusan terhadap tahap dan kualiti modal Syarikat oleh Lembaga Pengarah dan dinilai berdasarkan kepada objektif utama berikut:

- Mengekalkan tahap keteguhan kewangan yang tinggi, berkait rapat dengan profil risiko secara keseluruhan dan tahap kesanggupan menerima risiko;
- Memelihara fleksibiliti kewangan untuk membiayai pertumbuhan dalam;
- Mampu menghadapi permintaan modal akibat kejutan pasaran dan tekanan keadaan;
- Mengekalkan penarafan kredit luar Syarikat yang kukuh;
- Memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, pihak berurusan, penanggung hutang, agensi penarafan dan pemegang saham.

Pindaan garis panduan rangka kerja pengurusan modal yang dikeluarkan oleh BNM pada 28 November 2012 telah menetapkan keperluan umum mengenai kecukupan modal kawal selia, komponen modal pengawalseliaan yang layak dan keperluan untuk mengira aset berwajaran risiko (RWA). RWA Syarikat dikira mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel II.

#### 3.1 Nisbah Kecukupan Modal

Jadual berikut memperincikan nisbah kecukupan modal bagi Cagamas Berhad pada 31 Disember 2013:

**2013**

*Sebelum ditolak dividen dicadangkan*

Nisbah modal teras	23.7%
Nisbah modal berwajaran risiko	24.3%

*Selepas ditolak dividen dicadangkan*

Nisbah modal teras	23.5%
Nisbah modal berwajaran risiko	24.1%

### 3.0 PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)

#### 3.2 Struktur Modal

Jadual berikut memperincikan struktur modal bagi Cagamas Berhad pada 31 Disember 2013:

	2013 RM'000
<i>Modal Tahap I</i>	
Modal saham berbayar	150,000
Keuntungan tertahan	2,406,998
Tolak: Aset cukai tertunda	<u>(8,929)</u>
	2,548,069
<i>Modal Tahap II</i>	
Peruntukan kerugian penjejasan	63,855
Asas Modal	<u>2,611,924</u>

#### 3.3 Keperluan Modal Kawal Selia Minimum

Jadual berikut memperincikan keperluan modal minimum bagi menyokong RWA Syarikat pada 31 Disember 2013:

Kelas Pendedahan Risiko	Aset berwajaran risiko RM'000	Keperluan modal minimum pada 8% RM'000
i) Risiko Kredit	10,044,004	803,520
ii) Risiko Pasaran	–	–
iii) Risiko Operasi	<u>705,105</u>	<u>56,408</u>
<b>Jumlah</b>	<b>10,749,109</b>	<b>859,928</b>

### 4.0 PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan Cagamas mengambil pandangan holistik dan seluruh perniagaan dalam mengurus risiko di kesemua anak syarikat dengan membuat penilaian risiko secara kerap.

#### 4.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM)

ERM menjadi sebahagian daripada budaya Cagamas dan terterap dalam proses dan amalan perniagaan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja ERM, memperincikan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah ("Lembaga" atau "BOD"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC), Ketua Pegawai Eksekutif / Presiden (CEO), Ketua Pegawai Risiko (CRO), Pengurusan Jawatankuasa Eksekutif (MEC), Jawatankuasa Aset Liabiliti (ALCO), Jabatan Pengurusan Risiko (RMD), Jabatan Audit Dalam (IAD) dan kakitangan Cagamas.

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

### 4.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) (sambungan)

Rangka Kerja ERM disediakan ke arah mencapai objektif Cagamas yang meliputi empat kategori berikut:

- Strategik - matlamat peringkat tinggi, sejajar dengan dan menyokong misinya
- Operasi - penggunaan sumbernya secara cekap dan berkesan
- Kewangan - keuntungan dan kemampuan prestasi
- Laporan & Pematuhan – tahap kebolehpercayaan laporan dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang digunakan

Tiga barisan pertahanan dalam menguruskan risiko diterima pakai dalam Kumpulan, selaras dengan keperluan ERM. Unit perniagaan yang menjadi barisan pertahanan pertama mempunyai tanggungjawab utama untuk mengenal pasti, mengurang dan mengurus risiko dalam barisan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan supaya aktiviti harian mereka dilaksanakan selaras dengan dasar, prosedur dan had risiko yang telah ditetapkan.

Sebuah RMD bebas memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua menyediakan sumber khusus untuk mengurus risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai pendedahan risiko dan menyelaras pengurusan risiko bagi seluruh perniagaan. RMD juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya dasar risiko dilaksanakan sewajarnya.

IAD menjadi barisan pertahanan ketiga yang bertanggungjawab menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada dasar risiko dalaman.

### 4.2 Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi Cagamas. Ia menyediakan pengawasan untuk memastikan Pengurusan telah mewujudkan sistem dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya bagi mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Syarikat dan profil risiko yang dikehendaki. Lembaga Pengarah juga menyemak dan meluluskan semua dasar pengurusan dan pendedahan risiko yang penting.

BRC membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan wujud pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk mengurus risiko Syarikat. BRC disokong oleh beberapa jawatankuasa pengurusan yang menangani salah sebuah atau lebih, risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang menjalankan fungsi pengawasan melibatkan peruntukan modal dan had risiko keseluruhan, dengan menyesuaikannya kepada tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan juga bertanggungjawab melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan wujud prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan, kawalan dalaman dan sistem yang menyokong dasar-dasar tersebut.

RMD bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaras pengurusan risiko untuk seluruh perniagaan. Ia bebas daripada jabatan-jabatan lain dalam aktiviti mengambil risiko dan melapor terus kepada BRC.

### 4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)

Secara umum, ICAAP melibatkan penilaian menyeluruh semua risiko penting yang terdedah kepada Syarikat, menilai kecukupan modal Syarikat berbanding dengan risikonya dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko serta persekitaran operasinya, dengan mengambil kira strategi perniagaan Syarikat dan tahap kesanggupannya menerima risiko. Berikut adalah komponen utama dalam ICAAP Syarikat:

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

### 4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) (sambungan)

#### (a) Tahap Kesanggupan Menerima Risiko

Tahap kesanggupan menerima risiko adalah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko penting dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan Syarikat. Ia tidak berusaha untuk mencegah pengambilan risiko. Sebaliknya, ia memastikan risiko yang diambil oleh Syarikat adalah bersesuaian dengan strategi perniagaan pilihannya.

#### (b) Penilaian & Kuantifikasi Risiko Penting

Menganalisis semua risiko yang berlaku dalam aktiviti perniagaan Syarikat dan mengakui risiko di mana Syarikat termasuk di dalamnya atau boleh terdedah kepadanya pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dijumlah untuk menentukan risiko keseluruhan Syarikat di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan pada sasaran RWCR dalaman.

#### (c) Ujian Tekanan

Satu ujian tekanan yang rapi dan berpandangan ke depan merupakan sebahagian daripada ICAAP, membolehkan Syarikat menilai kesan kepada kecukupan modalnya yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan selanjutnya akan membolehkan Syarikat menilai kelemahan kunci kira-kira dan daya tahan rancangan kewangannya akibat peristiwa tekanan melampau tetapi munasabah itu.

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kelemahan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan / atau satu kejutan kecairan di seluruh sistem. Tekanan ini akan menyelubungi seluruh syarikat meliputi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting dalam Syarikat. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh MEC dan dilaporkan kepada BRC dan BOD.

#### (d) Pengurusan Modal

Pengukuran modal sedia ada dan instrumen modal Syarikat diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan dalam modal sedia ada dikaji semula atau dipertingkatkan apabila diperlukan bagi memastikan kesesuaian.

#### (e) Kajian Bebas

Satu kajian semula bebas daripada ICAAP akan dilakukan untuk mengkaji semula proses dan sistem untuk menilai pelbagai risiko yang terdedah kepada Syarikat dan untuk mengaitkan risiko dengan tahap modal. Skopnya termasuk kajian semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, kewibawaan, kebolehupayaan mengesah dan kelengkapan input data dan andaian yang digunakan.

## 5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit boleh ditakrifkan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan pihak peminjam atau rakan niaga mematuhi komitmen kewangan atau kontrak. Risiko kredit dalam Syarikat timbul daripada perniagaan Pembelian Dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti lindung nilai perpendaharaan. Syarikat berusaha mengambil risiko kredit yang menepati piawaian pengunderitan dan memastikan risiko yang diambil berbaloi dengan margin yang dikenakan.

### 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### **Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit**

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan (MEC) adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit Syarikat, dengan mengambil pandangan mengenai risiko dan menempatkan portfolio kredit secara proaktif. MEC yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit Syarikat, profil kredit bagi portfolio penting dan menyesuaikan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit dengan teliti sebelum dikemukakan kepada Bahagian Risiko Kredit di bawah Jabatan Pengurusan Risiko. Bahagian Risiko Kredit akan membuat penilaian secara bebas ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kewangan dan profil perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Bahagian Risiko Kredit bertanggungjawab untuk merangka dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melapor risiko kredit Syarikat. Had kredit diluluskan oleh MEC dalam linkungan tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Kekerapan laporan risiko termasuk kualiti portfolio, perubahan penarafan dan tumpuan pendedahan risiko dikemukakan kepada Jawatankuasa BRC dan Lembaga Pengarah bagi melaksanakan fungsi pengawasan.

#### **Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit**

Pengurusan risiko kredit meliputi langkah merangka dasar risiko kredit, manual prosedur yang mendokumentasikan proses dan kawalan Syarikat, kuasa memberi kelulusan, penarafan risiko kredit dan proses semakan semula Syarikat. Piawaian ini meliputi originasi kredit, mengukur dan mendokumentasi serta mengenal pasti masalah, mengelas dan mengambil langkah pemulihan.

Syarikat mengurus risiko kreditnya melalui penilaian yang menyeluruh ke atas pihak berurusan, mengenakan kriteria kelayakan secara berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Syarikat mempunyai sistem penarafan dalaman yang meletakkan had kredit maksimum yang dibenarkan bagi setiap kategori penarafan.

Had kredit akan disemak semula secara berkala dan akan ditentu berdasarkan kepada gabungan penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Aktiviti pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual prosedur dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

#### **Bidang Utama Pendedahan Kredit:**

##### **(a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)**

Di bawah skim PWR, Syarikat mengambil risiko rakan niaga iaitu risiko kredit institusi yang menjual berikutkan aku janjinya untuk membeli atau mengganti semula pinjaman tidak layak. Semakan semula terhadap rakan niaga dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun disertai dengan maklumat terkini. Syarikat mengenakan had yang ketat terhadap pendedahan rakan niaga berasaskan kepada penarafan dan penilaian kredit dalaman. Di samping itu, tumpuan risiko di bawah PWR diurus dan dipantau melalui had tumpuan yang diwujud berdasarkan kepada jenis rakan niaga dan jenis aset.

##### **(b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)**

Bagi PWOR, Syarikat menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli di mana pembelian terhad kepada penjual yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan pelaksanaan usaha wajar ke atas portfolio sebelum pembelian. Sebagai langkah mengawal risiko kredit seterusnya, pembelian PWOR mungkin meliputi ciri potongan gaji secara automatik. Portfolio ini akan dipantau melalui had tumpuan berdasarkan kepada jenis hartanah dan lokasi.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### Bidang Utama Pendedahan Kredit (sambungan)

#### (c) Pelaburan dan Aktiviti Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang timbul daripada pelaburan lebihan dana Syarikat dilaksanakan terutamanya melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit akan diwujudkan berikutnya penilaian terhadap kemantapan kredit rakan niaga menurut dasar pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar pelaburan menetapkan gred pelaburan minimum untuk sekuriti hutang dan tempoh maksimum dan bergantung kepada kekerapan semakan semula ke atasnya. Pendedahan kredit juga dikawal melalui pemantauan bebas dan laporan lebihan dan pelanggaran had kelulusan dan ambang kawalan risiko.

Syarikat mempunyai pendedahan yang terhad ke atas Swap Kadar Faedah (IRS) dan Kadar Keuntungan Islam (IPRS) yang digunakan untuk tujuan perlindungan nilai sahaja.

#### 5.1 Kawalan Risiko Kredit

Secara umum, had kredit tidak diberi semata-mata berdasarkan kepada cagaran yang diberi kerana semua had kredit yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik dan keupayaan untuk membayar hutang.

Di bawah skim PWR, Syarikat menerima jaminan daripada syarikat induk korporat dan institusi rakan niaga untuk mengawal risiko kredit tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Bagi pendedahan kredit yang dilindungi oleh jaminan daripada penjamin yang layak, pecahan pendedahan diwajar berdasarkan kepada wajarnya risiko yang sesuai kepada penjamin berkenaan. Menurut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak akan ditimbang sekali lagi untuk tujuan kawalan risiko kredit kerana penarafannya sudah mengambil kira jaminan yang diberi oleh syarikat rakan niaga tersebut.

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit:

Kelas Pendedahan Risiko Kredit	Jumlah pendedahan sebelum Kawalan Risiko Kredit RM'000	Jumlah pendedahan selepas Kawalan Risiko Kredit RM'000	Aset berwajaran risiko RM'000	Keperluan modal minimum pada 8% RM'000
<b>Pendedahan Dalam Lembaran Imbangan:</b>				
Kerajaan & Bank Pusat	825,526	825,526	—	—
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Bank Pembangunan Pelbagai Hala	10,555,106	10,555,106	4,294,840	343,587
Syarikat Korporat & Sewaan	733,039	733,039	321,299	25,704
Gadai Janji Perumahan	15,333,475	15,333,475	5,003,311	400,265
Sewa Beli	11,034	11,034	3,207	256
Aset Lain	33,361	33,361	33,359	2,669
Pendedahan Ingkar	96,202	96,202	383,530	30,682
<b>Jumlah</b>	<b>27,587,743</b>	<b>27,587,743</b>	<b>10,039,546</b>	<b>803,163</b>
<b>Pendedahan Luar Lembaran Imbangan:</b>				
Instrumen Kewangan Derivatif	7,286	7,286	4,458	357
<b>Jumlah Pendedahan Kredit</b>	<b>27,595,029</b>	<b>27,595,029</b>	<b>10,044,004</b>	<b>803,520</b>

## Pendedahan Tunggak 3 (sambungan)

### 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Pihak berurusan utama Syarikat adalah Kerajaan Malaysia (GOM), institusi kewangan, institusi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit asset kewangan sebelum kesan kawalan risiko kredit oleh Syarikat, mengikut:

- (a) Analisis industri berdasarkan pengagihan industri;

2013	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Sekuriti pelaburan AFS RM'000	Amaun terhutang daripada rakan pembentukan niaga RM'000		Aset gadai janji Islam RM'000	Aset gadai janji Islam RM'000	Aset sewa beli Islam RM'000	Aset sewa beli lain RM'000	Jumlah RM'000
				Aset rakan pembentukan niaga RM'000	Amaun terhutang daripada rakan pembentukan niaga RM'000					
Badan-badan kerajaan Institusi kewangan: – Bank perdagangan – Bank pelaburan	–	–	541,413	–	–	–	–	–	–	4,184
Komunikasi, elektrik, gas dan air	392,780	7,286	362,511	3,460,859	6,107,933	–	–	–	–	545,597
Pengangkutan Pajakan Pengguna Lain-lain	200,176	–	404,376	–	–	–	–	–	–	200,176
Jumlah	592,956	7,286	1,587,058	3,825,726	6,107,933	7,846,587	7,582,923	4	11,196	10,538
										27,572,207

- (b) Analisa geografi tidak diperlukan kerana kesemua pendedahan kredit meliputi pendedahan domestik;

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan residu kematangan kontrak

	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Lebih dari tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ untung RM'000	Jumlah RM'000
<i>Pendedahan dalam lembaran imbangan:</i>						
Tunai dan dana jangka pendek	542,387	–	–	–	50,569	592,956
Instrumen pembiayaan derivatif	–	–	–	–	7,286	7,286
Sekuriti pelaburan AFS	358,627	511,522	447,033	269,876	–	1,587,058
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	1,459,899	1,266,347	1,099,480	–	–	3,825,726
Aset pembiayaan Islam	707,743	3,478,802	1,921,388	–	–	6,107,933
Aset Gadai janji:						
– Konvensional	1,075,459	1,418,502	1,357,694	5,410,488	(1,415,556)	7,846,587 <sup>^1</sup>
– Islam	747,404	1,000,905	1,035,932	6,082,535	(1,283,853)	7,582,923 <sup>^3</sup>
Aset sewa beli:						
– Konvensional	5	–	–	–	(1)	4 <sup>^2</sup>
– Islam	6,177	4,783	761	–	(525)	11,196 <sup>^4</sup>
Aset lain	1,920	1,698	1,139	1,665	4,116	10,538
<b>Jumlah pendedahan dalam lembaran imbangan</b>	<b>4,899,621</b>	<b>7,682,559</b>	<b>5,863,427</b>	<b>11,764,564</b>	<b>(2,637,964)</b>	<b>27,572,207</b>
<i>Pendedahan luar lembaran Imbangam:</i>						
IRS/IPRS	–	–	34,286	9,900	–	44,186
<b>Jumlah</b>	<b>4,899,621</b>	<b>7,682,559</b>	<b>5,897,713</b>	<b>11,774,464</b>	<b>(2,637,964)</b>	<b>27,616,393</b>

<sup>^1</sup> Termasuk kerugian merosot keatas aset gadai janji konvensional berjumlah RM35,745,603.

<sup>^2</sup> Termasuk kerugian merosot keatas aset sewa beli konvensional berjumlah RM1,204.

<sup>^3</sup> Termasuk kerugian merosot keatas aset gadai janji islamik berjumlah RM28,040,701.

<sup>^4</sup> Termasuk kerugian merosot keatas aset sewa beli islamik berjumlah RM66,518.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.3 Pendedahan Luar Lembaran Imbangan dan Risiko Kredit Rakan Niaga (CCR)

CCR ke atas instrumen kewangan derivatif adalah risiko rakan niaga Syarikat menghadapi keingkaran dalam pertukaran matawang asing, kadar faedah, komoditi, ekuiti, opsyen atau kontrak derivatif kredit sebelum tarikh matang kontrak berkenaan dan Syarikat, pada masa berkaitan, mempunyai tuntutan ke atas pihak berurusan tersebut. Instrumen kewangan derivatif yang dihadkan kepada kontrak berkaitan kadar faedah disertai hanya untuk tujuan lindung nilai.

Pendedahan Luar Lembaran Imbangan	Amaun Pokok RM '000	Nilai Saksama		Amaun Persamaan Kredit RM '000	Aset Berwajaran Risiko RM '000
		Positif Kontrak Derivatif RM '000	Amaun Persamaan Kredit RM '000		
Instrumen Kewangan Derivatif	500,000	7,286	22,286	4,458	
Kontrak berkaitan kadar faedah					
– Kurang dari 1 tahun	–	–	–	–	–
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	500,000	7,286	22,286	4,458	
– 5 tahun dan ke atas	–	–	–	–	–

### 5.4 Penarafan Kredit

#### 5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (Standard Approach)

Di bawah Pendekatan Piawaian, Syarikat menggunakan penarafan kredit yang ditetapkan oleh Agensi Penarafan Kredit untuk mengira aset berwajaran risiko kredit untuk PWR, Pelaburan dan IRS menurut RWCAF BNM. Agensi penarafan atau Institusi Penaksiran Kredit Luar (ECAI) yang diiktiraf oleh BNM adalah seperti berikut:

- (i) Standard & Poor's Rating Services (S&P);
- (ii) Moody's Investors Service (Moody's);
- (iii) Fitch Ratings (Fitch);
- (iv) Rating Agency Malaysia Berhad (RAM);
- (v) Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC); dan
- (vi) Rating & Investment Information, Inc (R&I).

Menurut RWCAF BNM, apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar, wajaran risiko akan ditentu berasaskan kepada penarafan kedua tertinggi. Rakan niaga akan dianggap tidak ditaraf apabila sesebuah pendedahan tidak ditaraf oleh agensi penarafan tersebut, manakala pendedahan yang dilindungi oleh jaminan nyata yang dikeluarkan oleh penjamin yang layak atau sudah ditaraf, penarafan serupa yang diberikan kepada penjamin itu akan digunakan. Bagi tujuan penarafan dalam Cagamas, penarafan yang terendah akan diambil bagi situasi di mana rakan niaga ditaraf oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

#### 5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (Standard Approach) (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit Syarikat selepas kesan mitigasi risiko kredit mengikut berwajaran risiko:

Wajaran Risiko	Kerajaan & Bank Pusat RM'000	FI & DFI* RM'000	Syarikat Korporat & Sewaan RM'000	Aset Lain RM'000	Jumlah Aset Berwajaran Risiko RM'000
0% #	825,526	19,839	—	2	—
10%	—	—	—	—	—
20%	—	3,249,929	301,855	—	713,357
50%	—	7,292,624	340,512	—	3,816,568
100%	—	—	90,672	33,359	124,031
<b>Jumlah</b>	<b>825,526</b>	<b>10,562,392</b>	<b>733,039</b>	<b>33,361</b>	<b>4,653,956</b>
Wajaran Risiko purata	0.0%	40.7%	43.8%	100.0%	38.3%

\*FI – Institusi Kewangan

DFI – Institusi Kewangan Pembangunan

# Di bawah RWCAF BNM, pendedahan kepada dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia diberikan berwajaran risiko keadautan keutamaan sebanyak 0%.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

#### 5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (Standard Approach) (sambungan)

Jadual berikut adalah ringkasan matrik petaan berwajaran risiko dan pengagihan berwajaran risiko dibawah Pendekatan Piawaian:

Penarafan Rakan Niaga diluluskan oleh ECAs					
	Aaa to Aa3	A1 to A3	Baa1 to Ba3	B1 to C	Tidak ditaraf
Moody's					
S&P	AAA to AA-	A+ to A-	BBB+ to BB-	B+ to D	Tidak ditaraf
Fitch	AAA to AA-	A+ to A-	BBB+ to BB-	B+ to D	Tidak ditaraf
RAM	AAA to AA3	A to A3	BBB1 to BB3	B1 to C	Tidak ditaraf
MARC	AAA to AA-	A+ to A-	BBB+ to BB-	B+ to D	Tidak ditaraf
R&I	AAA to AA-	A+ to A-	BBB+ to BB-	B+ to D	Tidak ditaraf
<b>Kelas Pendedahan:</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<i>Pendedahan Dalam dan Luar Lembaran Imbangian</i>					
Entiti Sektor Awam	—	—	—	—	—
Kerajaan/Bank Pusat #	—	825,526	—	—	—
FI dan DFI	3,249,929	3,851,617	3,460,846	—	—
Syarikat Korporat dan Sewaan	301,855	340,512	—	—	90,672
<b>Jumlah</b>	<b>3,551,784</b>	<b>5,017,655</b>	<b>3,460,846</b>	<b>—</b>	<b>90,672</b>

# Di bawah RWCAF BNM, pendedahan kepada dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia diberikan berwajaran risiko keadautan keutamaan sebanyak 0%.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

#### 5.4.2 Penentuan Wajaran Risiko di bawah Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman Termaju (AIRB)

Syarikat mengambil pendekatan AIRB bagi pendedahan PWOR yang meliputi terutamanya pinjaman gadai janji dan pinjaman sewa beli di mana 3 parameter utama iaitu Kemungkinan Berlaku Mungkir (PD), Kerugian Akibat Mungkir (LGD) dan Pendedahan Sewaktu Mungkir (EAD) digunakan untuk mengira risiko kredit.

Anggaran risiko dirangka berdasarkan kepada data sejarah dalaman di mana kajian sejarah perilaku portfolio membentuk dasar pengiraan PD dan LGD. Bagi EAD, aman pendedahan ialah baki tertunggak kerana hanya pinjaman yang dikeluarkan sepenuhnya sahaja akan dibeli di bawah kriteria kelayakan skim PWOR yang sedia ada.

#### Laporan pendedahan mengikut julat PD:

	Pendedahan Kadar Berwajaran			
	EAD	LGD	RW	RWA
	RM '000	%	%	RM '000
<b>Aset Gadai Janji</b>				
Julat PD: sehingga 0.5%	—	—	—	—
>0.5% ke 3%	18,032,883	32.08%	27.75%	5,003,311
>3% ke <100%	—	—	—	—
100%	96,036	32.08%	398.67%	382,869
<b>Aset Sewa Beli</b>				
Julat PD: sehingga 0.5%	—	—	—	—
>0.5% ke 3%	11,559	32.08%	27.75%	3,207
>3% ke <100%	—	—	—	—
100%	166	32.08%	398.67%	661
Jumlah	<u>18,140,644</u>			<u>5,390,048</u>

### 5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas

Syarikat menilai kadar pinjaman terjejas dengan menentukan PD dan LGD untuk pembelian pinjaman gadai janji daripada Kerajaan Malaysia (GOM) berdasarkan kepada data yang diberi oleh GOM. Peruntukan penjejasan yang diperlukan ditentu melalui PD dan LGD sebagaimana pengiraan yang dibuat oleh Syarikat dan ia dikira berdasarkan kaedah pinjaman terjejas.

PD dikira sebagai bilangan pinjaman tertunggak ke atas jumlah bilangan pinjaman bermula dari awal 12 bulan mulai dari tarikh pembelian hingga tarikh tamat yang ditetapkan.

## 5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

### 5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas (sambungan)

LGD dikira menggunakan kutipan semula sebagai peratus baki tertunggak ingkar menggunakan data pinjaman ingkar yang dikutip semula dari tahun 2004 hingga 2013 dan memasukkan kedua-dua kutipan semula tunai dan kutipan semula daripada pelupusan cagarans. Penyesuaian dibuat untuk mencerminkan pandangan bahawa data kutipan semula Syarikat masih boleh diguna pakai.

Peruntukan penjejasan dikira secara kolektif, bukan secara individu untuk mencerminkan ciri kesaksamaan aset berkenaan bagi membolehkan teknik statistik digunakan berbanding penilaian secara individu.

- (a) Jadual berikut adalah ringkasan peruntukan penjejasan mengikut tujuan ekonomi:

	Tidak lampau tempoh mahu pun terjejas RM '000	Lampau tempoh tetapi tidak secara individu RM '000	Jumlah RM '000	Peruntukan penjejasan RM '000	Jumlah nilai bawaan RM '000
Pembelian Hartanah Perumahan	19,479,140	96,036	19,575,176	63,787	19,511,389
Pembelian Kenderaan Bermotor	4,025,648	166	4,025,814	68	4,025,746
Kegunaan Persendirian	1,837,234	—	1,837,234	—	1,837,234
	25,342,022	96,202	25,438,224	63,855	25,374,369

- (b) Jadual berikut adalah rumusan peruntukan penjejasan mengikut jenis produk:

	Tidak lampau tempoh mahu pun terjejas RM '000	Lampau tempoh tetapi tidak secara individu RM '000	Jumlah RM '000	Peruntukan penjejasan RM '000	Jumlah nilai bawaan RM '000
Amaun patut diterima daripada aset rakan niaga	3,825,726	—	3,825,726	—	3,825,726
Aset Pembiayaan Islamik	6,107,933	—	6,107,933	—	6,107,933
Aset Gadai Janji					
– Konvensional	7,823,324	59,009	7,882,333	35,746	7,846,587
– Islam	7,573,937	37,027	7,610,964	28,041	7,582,923
Aset Sewa Beli					
– Konvensional	1	4	5	1	4
– Islam	11,101	162	11,263	67	11,196
	25,342,022	96,202	25,438,224	63,855	25,374,369

## 6.0 RISIKO PASARAN & KECAIRAN

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang timbul daripada pergerakan harga pasaran dan kadar yang tidak menggalakkan. Pendedahan risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah memandangkan Syarikat tidak terlibat dalam sebarang aktiviti dagangan ekuiti, pertukaran matawang asing atau komoditi. Syarikat tidak terdedah kepada risiko kadar faedah yang timbul daripada aktiviti perdagangan kerana ia adalah dilarang.

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya.

### **Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan**

ALCO adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab bagi pengurusan aktiviti risiko pasaran dan kecairan Syarikat termasuk menentukan had risiko. ALCO yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif menyemak dasar risiko pasaran dan kecairan Syarikat, strategi pembiayaan, menyelaraskan pengurusan risiko pasaran dan kecairan dengan strategi perniagaan dan mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan, kedudukan lindung nilai dan had/pematuhan risiko.

RMD menyokong ALCO di peringkat kerja dan merupakan unit kawalan risiko bebas yang bertanggungjawab membangunkan dasar risiko pasaran dan kecairan dan memastikan pengawasan kawalan risiko yang mencukupi.

### **Pendekatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan**

Syarikat menguruskan risiko pasaran dan kecairan dengan mengenakan had ambang yang diluluskan oleh pengurusan menurut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan risiko-pulangan.

Selanjutnya, Syarikat juga berpegang kepada dasar padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang dipadankan dengan saiz hampir sepadan serta tempoh dan mencukupi dari segi aliran tunai. Mekanisma kecairan masa depan tersedia untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil pada masa yang sama mengelakkan tumpuan pembiayaan secara berlebihan. Syarikat merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang meliputi sekuriti hutang boleh niaga juga disediakan untuk menghadapi kurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan di pasaran kewangan.

Instrumen derivatif seperti swap kadar faedah digunakan untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasaran daripada turun naik kadar faedah. Proses pengurusan kecairan melibatkan pemantauan berkala terhadap had risiko kecairan, dan mewujudkan pelan pembiayaan luar jangka. Proses ini tertakluk kepada kajian semula. Syarikat juga memantau kecairan berdasarkan kepada nisbah liputan kecairan dan nisbah pembiayaan stabil bersih Basel III.

## 6.1 Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah dalam buku perbankan dipantau secara bulanan dan pendedahannya adalah minimal kerana pendekatan pembiayaan padanan yang diterima pakai oleh Syarikat bagi aset dan liabilitinya. Kesannya ke atas pendapatan faedah bersih dan jadual berikut meringkaskan kesan yang timbul dari peralihan selari 100 mata asas.

Jenis Matawang	Kesan ke Atas Kedudukan pada 31 Disember 2013	Kesan ke Atas Kedudukan pada 31 Disember 2013
	(-100 mata asas) Perubahan Selari	(+100 mata asas) Perubahan Selari
MYR	Kenaikan/ (Pengurangan) dalam Faedah Pendapatan Bersih RM'000	Kenaikan/ (Pengurangan) dalam Faedah Pendapatan Bersih RM'000
	(14,301)	14,395

### 7.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kerugian potensi akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada peristiwa luaran. Ia termasuk risiko reputasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan Syarikat atau pengendalian pasaran. Ia juga termasuk risiko gagal untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

#### **Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Operasi**

MEC mentadbir risiko operasi dalam Syarikat. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap suku tahun dan membincangkan isu-isu berkaitan risiko operasi.

RMD menggariskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Syarikat (ORM) yang mentakrifkan dengan jelas pendekatan Syarikat terhadap pengurusan risiko operasi yang merangkumi Penilaian Sendiri Risiko & Kawalan Syarikat/Piawaian dan Dasar Risiko Operasi. Bahagian risiko operasi RMD menyediakan pengawasan bebas daripada pemantauan dan kawalan risiko operasi. Risiko perundangan diuruskan oleh Jabatan Undang-undang dan Pematuhan (LCD) dan di mana perlu, khidmat nasihat perundangan dari luar diambil.

#### **Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi**

Dasar Pengurusan Risiko Operasi mengekod prinsip teras pentadbiran bagi pengurusan risiko operasi dan menyediakan rangka kerja tambah nilai yang konsisten untuk menilai, menyampaikan secara komunikasi risiko operasi dan keberkesanan keseluruhan persekitaran kawalan dalaman.

Unit Perniagaan/Sokongan merangkumi satu bahagian penting dalam rangka kerja pengurusan risiko operasi dan mempunyai tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko operasi harian. Unit-unit ini bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan aktiviti yang dilakukan mematuhi rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan. Setiap unit perniagaan/sokongan menjalankan penilaian sendiri persekitaran risiko dan kawalan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasinya. Kerugian dan kejadian risiko operasi dilaporkan kepada pengurusan kanan dan BRC melalui RMD yang melaksanakan penilaian secara bebas.

Pengurusan meletakkan nilai yang sangat tinggi untuk mengekalkan persekitaran kawalan yang berkesan untuk mengurangkan risiko operasi. Oleh itu, beberapa alat telah disediakan untuk mengurangkan risiko ini. Alat ini terdiri daripada:

- Penilaian Sendiri Risiko & Kawalan ("RCSA") merupakan satu proses penilaian berterusan bagi risiko dan kawalan operasi yang wujud untuk mengenal pasti jurang kawalan dan untuk membangunkan pelan tindakan bagi menutup jurang tersebut. Ia adalah alat memprofil risiko yang membantu pengurusan risiko operasi yang berkesan dalam Syarikat. RCSA terletak di bawah tanggungjawab pengurusan kanan/ketua jabatan masing-masing;
- Petunjuk risiko utama sebagai isyarat amaran awal peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan memaparkan kekerapan kejadian sebagai mekanisma untuk penilaian/pemantauan risiko secara berterusan;
- Pengurusan kejadian yang merupakan satu proses dan sistem berstruktur untuk mengenal pasti dan menumpukan perhatian kepada bidang operasi bermasalah dan membantu mengurangkan kesan risiko; dan
- Laporan kerugian operasi

Bagi memastikan perkhidmatan tanpa gangguan dan untuk melindungi kehidupan manusia dan aset Cagamas semasa bencana, Cagamas telah menyediakan sebuah Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang ditakrifkan dengan jelas bagi pelbagai fungsi pentingnya. BCM meliputi Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan Pemulihan Bencana (DR), sekiranya berlaku gangguan perniagaan/bencana dan akibat inovasi BCP. Daya tahan rancangan-rancangan ini di bawah senario yang berbeza sedang diuji secara berterusan melalui latihan DR secara kerap.

Syarikat menggunakan pendekatan Petunjuk Asas untuk mengira Modal Risiko Operasi.

## 8.0 PENDEDAHAN TADBIR URUS SYARIAH

Syarikat berbincang dan mendapatkan pengesahan/kelulusan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, Syarikat juga mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk produk Islamnya.

Audit dalaman yang dilakukan secara berkala untuk mengesahkan bahawa operasi Islam yang dijalankan oleh unit-unit perniagaannya mematuhi keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden tidak mematuhi keperluan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan.

Tiada kejadian tidak mematuhi Syariah berlaku sepanjang tempoh kewangan ini.